Register your product and get support at
www.philips.com/welcome

6801 series

Manual pengguna

43PUT6801
49PUT6801
55PUT6801

PHILIPS

Kandungan

1 Perkara baharu 4

1.1 Menu sumber semua dalam satu 4
1.2 Pilihan teratas 4
1.3 Pelayar media 5

2 Menyediakan 6

2.1 Baca Keselamatan 6
2.2 Dirian TV dan Lekapan Dinding 6
2.3 Petua Pelekapan 6
2.4 Kabel Kuasa 6
2.5 Kabel Antena 6

3 Alat Kawalan Jauh 8

3.1 Gambaran Keseluruhan Kekunci 8
3.2 Carian Suara 9
3.3 Papan Kekunci 10
3.4 Penderia IR 10
3.5 Bateri 11
3.6 Pembersihan 11

4 Menghidupkan dan Mematikan 12

4.1 Hidup atau Tunggu Sedia 12
4.2 Kekunci pada TV 12

5 Saluran 13

5.1 Pemasangan Antena/Kabel 13
5.2 Salinan Senarai Saluran 15
5.3 Tentang Saluran 16

6 Sambungkan Peranti 22

6.1 Perihal Sambungan 22
6.2 Port HDMI 22
6.3 Y Pb Pr - Komponen 23
6.4 Scart 24
6.5 Audio Keluar - Optik 24
6.6 CAM dengan Kad Pintar - CI+ 24
6.7 Penerima - Kotak Set Atas 25
6.8 Sistem Teater Rumah - HTS 25
6.9 Telefon pintar dan Tablet 26
6.10 Pemain Cakera Blu-ray 26
6.11 Pemain DVD 26
6.12 Bluetooth - Pembesar suara dan Pad permainan 27
6.13 Fon Kepala 28
6.14 Konsol Permainan 28
6.15 Pad Permainan 28
6.16 Pemacu Keras USB 29
6.17 Papan Kekunci USB 30
6.18 Pemacu Kilat USB 30
6.19 Kamera Foto 31
6.20 Kamkorder 31
6.21 Komputer 31

7 Sambungkan Android TV anda 33

7.1 Rangkaian dan Internet 33
7.2 Akaun Google 36
7.3 Galeri Aplikasi Philips 36
7.4 Tetapan Android 37
7.5 Menu Utama 37

8 Aplikasi 39

8.1 Mengenai Aplikasi 39
8.2 Google Play 39
8.3 Mulakan atau Hentikan Aplikasi 40
8.4 Kunci Aplikasi 40
8.5 Uruskan Aplikasi 42
8.6 Storan 42

9 Internet 43

9.1 Mulakan Internet 43
9.2 Pilihan pada Internet 43

10 Menu TV 44

10.1 Perihal Menu TV 44
10.2 Buka Menu TV 44

11 Sumber 45

11.1 Beralih kepada peranti 45
11.2 Pilihan untuk Input TV 45
11.3 Nama dan Jenis Peranti 45
11.4 Komputer 45

12 Tetapan 47

12.1 Tetapan Lazim 47
12.2 Gambar 47
12.3 Bunyi 52
12.4 Tetapan Ekologi 54
12.5 Tetapan Umum 55
12.6 Jam, Wilayah dan Bahasa 57
12.7 Akses Universal 60
12.8 Kunci Kanak-kanak 61

13 Video, Foto dan Muzik 62

13.1 Daripada Sambungan USB 62
13.2 Daripada Komputer atau NAS 62
13.3 Daripada Perkhidmatan Storan Awan 62
13.4 Kegemaran, Paling Popular, menu Terakhir Dimainkan 62
13.5 Mainkan Video anda 63
13.6 Lihat Foto anda 63
13.7 Mainkan Muzik anda 63

14 Panduan TV 65

14.1 Apa Yang Anda Perlukan 65
14.2 Data Panduan TV 65
14.3 Menggunakan Panduan TV 65

15 Rakaman dan Jeda TV 67

15.1 Rakaman 67
15.2 Jeda TV 68

16 Telefon pintar dan Tablet 70

16.1 Philips TV Remote App 70
16.2 Google Cast 70
16.3 AirPlay 70
16.4 MHL 70

17 Permainan 71

17.1 Apa Yang Anda Perlukan 71
17.2 Main Permainan 71

18 Pilihan Teratas 72

18.1 Mengenai Pilihan Teratas 72
18.2 Sekarang pada TV 72
18.3 TV atas Permintaan 72
18.4 Video atas Permintaan 72

19 Netflix 74

20 Berbilang Paparan 75

20.1 Teks dan TV 75
20.2 HDMI dan TV 75
20.3 Nettv dan TV 75
20.4 Nettv dan HDMI 75

21 Perisian 76

21.1 Kemas Kini Perisian 76
21.2 Versi Perisian 76
21.3 Kemas Kini Perisian Automatik 76
21.4 Perisian Sumber Terbuka 77
21.5 Lesen Sumber Terbuka 77
21.6 Pengumuman 109

22 Spesifikasi 110

22.1 Persekitaran 110
22.2 Kuasa 110
22.3 Sistem Pengoperasian 110
22.4 Penerimaan 110
22.5 Jenis Paparan 110
22.6 Resolusi Input Paparan 110
22.7 Dimensi dan Berat 111
22.8 Kesambungan 111
22.9 Kesambungan 111
22.10 Bunyi 111
22.11 Multimedia 111

23 Bantuan dan Sokongan 113

23.1 Daftar TV anda 113
23.2 Menggunakan Bantuan 113
23.3 Penyelesaian Masalah 113
23.4 Bantuan Dalam Talian 115
23.5 Sokongan dan Pembaikan 116

24 Keselamatan dan Layanan 117

24.1 Keselamatan 117
24.2 Penjagaan Skrin 118

25 Terma Penggunaan 119

25.1 Syarat Penggunaan - TV 119
25.2 Syarat Penggunaan - Galeri Aplikasi Philips 119

26 Hak Cipta 120

26.1 MHL 120
26.2 Ultra HD 120
26.3 HDMI 120
26.4 Dolby Digital Plus 120
26.5 DTS Premium Sound ™ 120
26.6 Microsoft 120
26.7 Wi-Fi Alliance 121
26.8 Kensington 121
26.9 Tanda Dagang Lain 121

27 Penafian berkenaan perkhidmatan dan/atau perisian yang ditawarkan oleh pihak ketiga 122

Katalog indeks 123

1

Perkara baharu

1.1

Menu sumber semua dalam satu

Perihal menu sumber semua dalam satu

Pada kali pertama anda menekan SOURCES, anda boleh melihat arahan cara menetapkan menu sumber anda.

Menu sumber yang dipertingkat mengandungi menu sumber normal, membuka Panduan TV dengan mudah dan anda turut boleh menggunakan + (kekunci tambah) untuk menetapkan peringatan atau menjadualkan rakaman dalam Panduan TV.

Menu Sumber semua dalam satu, panduan TV yang direka semula dan pelayar program yang baharu dan mudah.

Senarai saluran kegemaran anda kini sebahagian daripada menu Sumber. Begitu juga dengan senarai saluran kedua-dua penala Antena/Kabel dan Satelit.

Menu Sumber baharu mengandungi semua peranti yang disambungkan dalam senarai dan semua penala, maka dalam menu Sumber, pengguna akan menemui semua 'sumber' untuk TV.



Tukar daripada penala, saluran dan panduan TV

Pilih sumber penala dan tekan > untuk membuka senarai saluran. Tekan > sekali lagi untuk membuka panduan TV untuk melihat program yang tersedia. Tekan < untuk kembali kepada senarai saluran.

Panduan TV yang dipertingkat

Panduan TV yang jelas dan lebih menarik. Pilih program dan baca maklumat program atau tekan + untuk menetapkan peringatan atau menjadualkan rakaman.

1.2

Pilihan teratas

Dengan TOP PICKS TV anda mengesyorkan program TV semasa, video sewaan terkini dan perkhidmatan TV Dalam Talian untuk anda tonton.

1 - Tekan TOP PICKS.
2 - Pilih satu program dan gunakan + (kekunci tambah) untuk menjadualkan rakaman, menetapkan peringatan atau menonton program.
3 - Gunakan kekunci Anak panah / navigasi untuk memilih 3 bintik di bahagian atas sebelah kanan skrin, kemudian tekan OK untuk membuka menu OPTIONS.

Pilih ● untuk merakam atau pilih untuk menetapkan peringatan

Pilih ❤ untuk menandakan sebagai kegemaran



1.3

Pelayar media

Layari media anda atau tandakan mana-mana saluran, lagu atau foto sebagai kegemaran dengan mudah.

1 - Tekan + (kekunci tambah) untuk menandakan mana-mana video, lagu atau foto sebagai kegemaran.
2 - Anda boleh menonton video, mendengar lagu dan melihat foto dalam paparan grid atau paparan senarai.
3 - Gunakan kekunci Anak panah / navigasi untuk memilih 3 bintik di bahagian atas sebelah kanan skrin, kemudian tekan OK untuk membuka menu OPTIONS.

Paparan grid



Paparan senarai



4 - Sewaktu item dimainkan, terdapat bar kawalan kedua pada bahagian bawah skrin, gunakan anak panah dan kekunci OK untuk memilih item yang anda mahukan.



2

Menyediakan

2.1

Baca Keselamatan

Baca arahan keselamatan terlebih dahulu sebelum anda menggunakan TV.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, dalam Bantuan, pilih Kata Kunci dan cari Arahan Keselamatan.

2.2

Dirian TV dan Lekapan Dinding

Rak TV

Anda boleh menemui arahan untuk melekapkan rak TV dalam Panduan Ringkas yang didatangkan dengan TV. Sekiranya anda kehilangan panduan ini, anda boleh muat turun daripada www.philips.com.

Gunakan nombor model TV untuk mencari Panduan Mula Pantas untuk dimuat turun.

Lekapan Dinding

TV anda turut disediakan untuk pendakap lekapan dinding yang mematuhi VESA (dijual berasingan). Gunakan kod VESA berikut semasa membeli lekapan dinding. . .



• 43PUT6801
VESA MIS-F 200x200, M6
• 49PUT6801
VESA MIS-F 400x200, M6
• 55PUT6801
VESA MIS-F 400x200, M6

Penyediaan

Mula-mula alih keluar 4 tudung skru plastik dari bush berulir di bahagian belakang TV.
Pastikan bahawa skru logam, untuk melekapkan TV ke pendakap yang mematuhi VESA, masuk sedalam kira-kira 10mm ke dalam bush berulir TV.

Awas

Pelekapan dinding TV memerlukan kemahiran istimewa dan hanya perlu dilakukan oleh kakitangan yang layak. Lekapan dinding TV perlu menepati standard keselamatan mengikut berat TV. Baca juga langkah keselamatan sebelum meletakkan TV.
TP Vision Europe B.V. tidak bertanggungjawab atas pelekapan yang tidak betul atau mana-mana pelekapan yang mengakibatkan kemalangan atau kecederaan.

2.3

Petua Pelekapan

• Letakkan TV di tempat cahaya tidak memancar secara terus ke skrin.
• Letakkan TV sehingga 15 cm jauh dari dinding.
• Jarak paling sesuai untuk menonton TV adalah 3 kali ganda daripada saiz skrin pepenjurunya. Semasa duduk, mata anda perlu sama paras dengan tengah-tengah skrin.



2.4

Kabel Kuasa

• Masukkan kabel kuasa ke dalam penyambung POWER di bahagian belakang TV.
• Pastikan kabel kuasa dimasukkan dengan selamat di dalam penyambung.
• Pastikan bahawa palam kuasa, di dalam soket dinding, boleh diakses pada bila-bila masa.
• Apabila anda menanggalkan palam kuasa, sentiasa tarik palam, jangan sesekali tarik kabel.



Walaupun TV ini mempunyai penggunaan kuasa tunggu sedia yang sangat rendah, tanggalkan kabel kuasa untuk menjimatkan tenaga jika anda tidak menggunakan TV untuk tempoh yang lama.

2.5

Kabel Antena

Masukkan palam antena ke dalam soket Antena di bahagian belakang TV.

Anda boleh menyambungkan antena anda atau isyarat antena daripada sistem agihan antena. Gunakan penyambung antena IEC Coax 75 Ohm RF.



3

Alat Kawalan Jauh

3.1

Gambaran Keseluruhan Kekunci

Atas



1 - Tunggu Sedia / Hidup
Untuk menghidupkan TV atau kembali ke Tunggu Sedia.

2 - AMBILIGHT
Fungsi ini tersedia dalam siri Ambilight sahaja.

3 - TOP PICKS
Untuk membuka menu dengan program yang disyorkan, Video atas Permintaan (Video Sewaan) atau TV Dalam Talian (Catch Up TV).
Jika tersedia.

4 - TV GUIDE
Untuk membuka atau menutup Panduan TV.

5 - SOURCES
Untuk membuka atau menutup menu Sumber.

6 - SETTINGS
Untuk membuka Tetapan Lazim.

7 - EXIT
Untuk kembali menonton TV. Untuk meninggalkan aplikasi TV interaktif.

8 - SEARCH
Untuk membuka halaman carian.

9 - LIST
Untuk membuka atau menutup senarai saluran.

10 - Menu TV
Untuk membuka Menu TV dengan fungsi TV biasa.

Tengah

1 - Kekunci OK / Kekunci / navigasi anak panah
Untuk mengesahkan pemilihan atau tetapan.
Untuk menavigasi ke atas, ke bawah, ke kiri atau ke kanan.

2 - BACK
Untuk kembali ke saluran sebelumnya yang anda pilih.
Untuk kembali ke menu sebelumnya.
Untuk kembali ke halaman Aplikasi/Internet yang sebelumnya.

3 - Kekunci warna
Pemilihan terus pilihan.

4 - OPTIONS
Untuk membuka atau menutup menu Pilihan.

5 - HOME
Untuk membuka menu Utama.

Bawah

1 - NETFLIX
Untuk membuka Aplikasi Netflix secara terus. Dengan TV dihidupkan atau daripada mod tunggu sedia.

2 - Kelantangan
Untuk melaraskan aras kelantangan.

3 - Kekunci nombor
Untuk memilih saluran secara terus.

4 - SUBTITLE
Untuk menghidupkan, mematikan atau menghidupkan Sari Kata semasa redam.

5 - Main Balik dan Rakam
• Mainkan ▶, untuk main balik.
• Jeda ⏸, untuk menjeda main balik
• Hentikan ■, untuk menghentikan main balik
• Mandir ◀◀, untuk memandir
• Mara laju ▶▶, untuk mara laju
• Rakam ●, untuk mula merakam

6 - Saluran
Untuk menukar ke saluran seterusnya atau sebelumnya dalam senarai saluran. Untuk membuka halaman seterusnya atau sebelumnya dalam Teks/Teleteks. Untuk memulakan bab seterusnya atau sebelumnya pada cakera.

7 - Redam
Untuk meredam bunyi atau memulihkannya.

8 - TEXT
Untuk membuka atau menutup Teks/Teleteks.

3.2
Carian Suara

Muat turun Aplikasi daripada Google Play

Gunakan telefon pintar atau tablet Android anda sebagai alat kawalan jauh untuk Android TV anda. Bertukar dengan mudah di antara mod d-pad, pad sentuh dan pad permainan untuk menavigasi kandungan dan memainkan permainan pada peranti Android TV anda. Ketik mikrofon untuk memulakan carian suara, atau gunakan papan kekunci untuk memasukkan teks pada Android TV.

Untuk bermula, sambungkan telefon atau tablet Android anda ke rangkaian yang sama dengan peranti Android TV anda atau cari Android TV anda melalui Bluetooth.

Berfungsi dengan semua peranti Android TV.

*Anda memerlukan telefon atau tablet Android yang menjalankan Android 4.3 atau lebih baharu untuk menggunakan aplikasi Alat Kawalan Jauh Android TV.

Berpasangan dengan TV Anda

Tiada mikrofon pada alat kawalan jauh anda. Jika anda mahu menggunakan carian suara, anda perlu memasang aplikasi Alat Kawalan Jauh Android TV pada telefon pintar atau tablet Android anda dahulu.

1 - Pada telefon pintar atau tablet Android anda, cari "Alat Kawalan Jauh Android TV" di gedung Google Play.
2 - Muat turun dan pasang aplikasi Alat Kawalan Jauh Android TV* pada telefon pintar atau tablet Android anda .
3 - Sambungkan telefon pintar atau tablet Android anda ke rangkaian yang sama dengan peranti Android TV anda.
4 - Pilih "PhilipsTv"** pada telefon pintar atau tablet Android anda, kemudian Android TV anda akan menunjukkan kod pada skrin.
5 - Masukkan kod pada telefon pintar atau tablet Android anda untuk memasangkan ke Android TV anda.

*Anda memerlukan telefon atau tablet Android yang menjalankan Android 4.3 atau lebih baharu untuk menggunakan aplikasi Alat Kawalan Jauh Android TV.

**Nama Android TV anda adalah bergantung pada nama yang anda tetapkan dalam Nama Rangkaian TV. Nama pratetap ialah nama model TV ini.

.

Menggunakan Carian Suara

Anda boleh mencari video, muzik atau apa-apa sahaja pada Internet dengan ikon di bahagian atas menu Utama. Anda boleh mula menggunakan Carian Suara pada bila-bila masa. Sebagai alternatif, anda boleh menggunakan papan kekunci alat kawalan jauh untuk memasukkan teks.

Untuk menggunakan Carian Suara...

1 - Ketik ikon pada telefon pintar anda untuk memulakan carian suara.
2 - Ikon berwarna merah pada skrin, mikrofon adalah aktif.
3 - Sebut perkara yang anda cari dengan jelas. Ia mungkin memakan masa untuk hasil kelihatan.
4 - Dalam skrin dengan hasil carian, anda boleh memilih item yang anda mahu.

Lihat juga www.support.google.com/androidtv

Tetapan Carian Suara

Anda boleh menetapkan bahasa yang anda mahu gunakan dengan Carian Suara.

Untuk menetapkan bahasa untuk Carian Suara...

1 - Tekan , pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Tetapan Android dan tekan OK.
3 - Pilih Keutamaan > Pertuturan dan tekan OK.
4 - Pilih bahasa yang anda mahu gunakan dan tekan OK.
5 - Tekan BACK untuk kembali satu langkah atau tekan EXIT untuk menutup menu.

3.3
Papan Kekunci

Gambaran Keseluruhan

Qwerty dan Azerty

Gambaran keseluruhan papan kekunci Qwerty/Azerty.*

1 - Aksara Azerty
Kedudukan aksara jika tataletak papan kekunci ditetapkan ke Azerty.

2 - Aa Shift
Untuk menaip aksara huruf besar.

3 - Kekunci Fn
Untuk menaip nombor atau aksara tanda baca.

4 - Bar ruang

5 - Navigasi dan OK

6 - Kongsi ini
Untuk berkongsi dalam talian perkara yang anda tonton pada masa ini.

* Alat kawalan jauh anda mempunyai papan kekunci Qwerty / Azerty atau Qwerty / Cyrillic, bergantung kepada wilayah anda.

Qwerty dan Cyrillic

Gambaran keseluruhan papan kekunci Qwerty/Cyrillic.*

1 - Aksara Cyrillic
Aksara tersedia apabila papan kekunci ditukar kepada Cyrillic.

2 - Suis papan kekunci Cyrillic
Untuk menukar papan kekunci kepada aksara Cyrillic atau kembali kepada Qwerty.

3 - Aa Shift
Untuk menaip aksara huruf besar.

4 - Kekunci Fn
Untuk menaip nombor atau aksara tanda baca

5 - Bar ruang

6 - Kongsi ini
Untuk berkongsi dalam talian perkara yang anda tonton pada masa ini.

7 - Navigasi dan OK

* Alat kawalan jauh anda mempunyai papan kekunci Qwerty/Azerty atau Qwerty/Cyrillic, bergantung kepada wilayah anda.

Menulis Teks

Dengan papan kekunci di bahagian belakang alat kawalan jauh, anda boleh menulis teks dalam mana-mana medan teks pada skrin.

Untuk menulis teks...

1 - Pilih medan teks jika ia masih belum dipilih.
2 - Pusingkan papan kekunci alat kawalan jauh menghala ke atas untuk mengaktifkan kekunci papan kekunci. Pegang alat kawalan jauh dengan kedua-dua tangan dan taip menggunakan kedua-dua ibu jari.
3 - Untuk menyembunyikan papan kekunci pada skrin, tekan BACK.
Tekan OK untuk mengesahkan teks.

Papan Kekunci Pada Skrin

Jika anda menggunakan papan kekunci pada skrin untuk memasukkan teks, anda boleh mengkonfigurasi tataletak papan kekunci kepada tataletak yang anda biasa gunakan.

Untuk membuka tetapan ini...

Tekan HOME, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
5 - Pilih Tetapan Android dan tekan OK.
6 - Pilih Keutamaan > Papan Kekunci dan tekan OK.
7 - Pilih Konfigurasi > Bahasa dan tekan OK.
Anda boleh menetapkan tataletak papan kekunci bahasa anda di sini.
8 - Tekan BACK untuk menutup menu untuk kembali satu langkah.
• Jarak terbaik untuk menggunakan alat kawalan jauh dengan TV adalah kurang daripada 5 m.
• Apabila menggunakan papan kekunci alat kawalan jauh, pastikan alat kawalan kauh tidak diserongkan lebih daripada 50 darjah.
• Jangan sekat cahaya IR alat kawalan jauh.

3.4

Penderia IR

TV boleh menerima perintah daripada alat kawalan jauh yang menggunakan IR (inframerah) untuk menghantar perintah. Jika anda menggunakan alat kawalan jauh tersebut, sentiasa pastikan bahawa anda menghalakan alat kawalan jauh ke penderia inframerah di bahagian hadapan TV.

⚠ Amaran

Jangan letak objek di hadapan penderia IR TV kerana objek itu boleh menyekat isyarat IR.

3.5

Bateri

Jika TV tidak memberi sebarang respons ketika kekunci alat kawalan jauh ditekan, kemungkinan bateri kehabisan.

Untuk menggantikan bateri, buka petak bateri di bahagian depan bawah pada alat kawalan jauh.

1 - Tolak penutup petak bateri ke arah yang ditunjukkan oleh anak panah.
2 - Gantikan bateri lama dengan 2 bateri jenis AAA-R03-1.5V. Pastikan hujung + dan - bateri dibariskan dengan betul.
3 - Letak semula penutup petak bateri dan tolaknya kembali sehingga terkunci.

Alih keluar bateri jika anda tidak menggunakan alat kawalan jauh buat masa yang lama.
Lupuskan bateri anda secara selamat mengikut arahan akhir penggunaan.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, dalam Bantuan, pilih Kata Kunci dan cari Akhir penggunaan.

3.6

Pembersihan

Alat kawalan jauh anda disapukan dengan lapisan kalis calar.

Untuk membersihkan alat kawalan jauh, gunakan kain lembap yang lembut. Jangan sekali-kali menggunakan bahan seperti alkohol, bahan kimia atau pencuci rumah pada alat kawalan jauh.

4

Menghidupkan dan Mematikan

4.1

Hidup atau Tunggu Sedia

Pastikan TV disambungkan ke sesalur kuasa AC. Sambungkan kord kuasa yang diberikan ke penyambung AC in di bahagian belakang TV. Lampu penunjuk di bahagian bawah TV akan bernyala.

Hidupkan

Tekan pada alat kawalan jauh untuk menghidupkan TV. Sebaliknya, tekan HOME . Anda juga boleh menekan kekunci kayu bedik yang kecil pada bahagian belakang TV untuk menghidupkan TV sekiranya anda tidak dapat mencari alat kawalan jauh atau baternya kosong.

Beralih kepada mod tunggu sedia

Untuk menukar mod TV kepada tunggu sedia, tekan pada alat kawalan jauh. Anda juga boleh menekan kekunci kayu bedik yang kecil pada bahagian belakang TV.

Dalam mod tunggu sedia, TV masih bersambung ke sesalur kuasa tetapi menggunakan tenaga yang sangat sedikit.

Untuk mematikan TV sepenuhnya, nyahsambungkan palam kuasa.
Setiap kali anda memutuskan sambungan palam kuasa, tarik palam kuasa dan bukan kordnya. Pastikan anda sentiasa dapat mencapai palam kuasa, kord kuasa dan soket alur keluar pada bila-bila masa.

4.2

Kekunci pada TV

Jika anda kehilangan alat kawalan jauh atau baterinya kosong, anda masih boleh melakukan beberapa pengendalian TV asas.

Untuk membuka menu asas...

1 - Semasa TV dihidupkan, tekan kekunci kayu bedik di bahagian belakang TV untuk mengeluarkan menu asas.
2 - Tekan kiri atau kanan untuk memilih Kelantangan, Saluran atau Sumber. Pilih Demo, untuk memulakan filem demo.
3 - Tekan atas atau bawah untuk melaraskan kelantangan atau menala ke saluran seterusnya atau sebelumnya. Tekan atas atau bawah untuk melihat senarai sumber, termasuk pemilihan penala. Tekan kekunci kayu bedik untuk memulakan filem demo.
4 - Menu akan hilang secara automatik.

Untuk menukar mod TV kepada tunggu sedia, pilih dan tekan kekunci kayu bedik.

5

Saluran

5.1

Pemasangan Antena/Kabel

Kemas Kini atau Pasang Semula

Kemas Kini Saluran Digital

Anda boleh sentiasa memulakan kemas kini saluran anda sendiri.

Untuk memulakan kemas kini saluran secara manual...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Saluran > Pemasangan Antena/Kabel.
3 - Masukkan kod PIN anda jika perlu.
4 - Pilih Cari Saluran.
5 - Pilih Mulakan.
6 - Pilih Kemas Kini Saluran Digital.
7 - Tekan OK untuk mengemas kini saluran digital. Ini boleh mengambil masa beberapa minit.
8 - Tekan ← BACK untuk menutup menu.

Pasang semula pantas

Pilih Pasang semula pantas untuk memasang semula semua saluran dengan tetapan lalai.

Pasang semula pantas...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Saluran > Pemasangan Antena/Kabel.
3 - Masukkan kod PIN anda jika perlu.
4 - Pilih Cari Saluran.
5 - Pilih Mulakan.
6 - Pilih Pasang semula pantas.
7 - Tekan OK untuk mengemas kini saluran digital. Ini boleh mengambil masa beberapa minit.
8 - Tekan ← BACK untuk menutup menu.

Pasang semula lanjutan

Anda boleh memasang semula semua saluran dan membiarkan semua tetapan TV lain tidak disentuh.

Jika kod PIN ditetapkan, anda perlu memasukkan kod ini sebelum anda boleh memasang semua saluran.

Untuk memasang semula saluran...

Nota: Tidak menyokong DVB-C.

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Saluran > Pemasangan Antena/Kabel.
3 - Masukkan kod PIN anda jika perlu.
4 - Pilih Cari Saluran.
5 - Pilih Mulakan dan tekan OK.
6 - Pilih Pasang semula lanjutan dan tekan OK.
7 - Pilih negara di tempat anda berada sekarang dan tekan OK.
8 - Pilih jenis pemasangan yang anda mahu, Antena (DVB-T) atau Kabel (DVB-C) dan tekan OK.
9 - Pilih jenis saluran yang anda mahu, Saluran Digital dan Analog atau Saluran Digital Sahaja dan tekan OK.
10 - Pilih Mulakan dan tekan OK untuk mengemas kini saluran digital. Ini boleh mengambil masa beberapa minit.
11 - Tekan ← BACK untuk menutup menu.

Kemas Kini Saluran Automatik

Jika anda menerima saluran digital, anda boleh menetapkan TV untuk mengemas kini saluran ini secara automatik.

Sekali sehari, pada 6 PG, TV mengemas kini saluran dan menyimpan saluran baharu. Saluran baharu disimpan dalam Senarai Saluran yang ditanda dengan ✸ . Saluran tanpa isyarat dialih keluar. TV mesti dalam keadaan tunggu sedia untuk mengemas kini saluran secara automatik. Anda boleh mematikan Kemas Kini Saluran Automatik.

Untuk mematikan kemas kini automatik...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Saluran > Pemasangan Antena/Kabel.
3 - Masukkan kod PIN anda jika perlu.
4 - Pilih Kemas Kini Saluran Automatik.
5 - Pilih Mati.
6 - Tekan ‹ (kiri) untuk kembali satu langkah atau tekan ← BACK untuk menutup menu.

Apabila saluran baharu ditemui atau jika saluran dikemas kini atau dialih keluar, mesej ditunjukkan pada permulaan TV. Untuk mengelakkan mesej ini daripada muncul selepas setiap kemas kini saluran, anda boleh mematikannya.

Untuk mematikan mesej...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Saluran > Pemasangan Antena/Kabel.
3 - Masukkan kod PIN anda jika perlu.
4 - Pilih Mesej Kemas Kini Saluran.
5 - Pilih Mati.
6 - Tekan ‹ (kiri) untuk kembali satu langkah atau tekan ← BACK untuk menutup menu.

Dalam negara tertentu, Kemas kini saluran automatik dilakukan semasa menonton TV atau pada bila-bila masa apabila TV dalam keadaan tunggu sedia.

DVB-T atau DVB-C

Penerimaan DVB-T

Sebelum anda mencari saluran semasa pemasangan saluran, anda perlu memilih Antena (DVB-T). Antena DVB-T mencari saluran analog bumi dan saluran DVB-T2 digital.

Konflik Nombor Saluran

Dalam sesetengah negara, saluran TV berbeza (penyiar) mungkin mempunyai nombor saluran yang sama. Ketika pemasangan, TV menunjukkan senarai dengan konflik nombor saluran. Anda perlu memilih saluran TV yang anda mahu pasang pada nombor saluran dengan berbilang saluran TV.

Nota: Tidak menyokong DVB-C.

Tetapan DVB

Mod Frekuensi Rangkaian

Jika anda ingin menggunakan kaedah Imbasan Pantas yang pantas dalam Imbasan Frekuensi untuk mencari saluran, pilih Automatik. TV akan menggunakan 1 daripada frekuensi rangkaian pratakrif (atau HC - saluran pandu tuju) seperti yang digunakan oleh kebanyakan operator kabel di negara anda.

Jika anda menerima nilai frekuensi rangkaian tertentu untuk mencari saluran, pilih Manual.

Frekuensi Rangkaian

Dengan Mod Frekuensi Rangkaian ditetapkan kepada Manual, anda boleh memasukkan nilai frekuensi rangkaian yang diterima daripada operator kabel anda di sini. Untuk memasukkan nilai, gunakan kekunci nombor.

Imbasan Frekuensi

Pilih kaedah mencari saluran. Anda boleh memilih kaedah Imbasan Pantas yang lebih pantas dan menggunakan tetapan pratakrif yang digunakan oleh kebanyakan operator kabel di negara anda.

Jika langkah ini menyebabkan tiada saluran dipasang atau jika beberapa saluran hilang, anda boleh memilih kaedah Imbasan Penuh yang diperluas. Kaedah ini akan mengambil lebih masa untuk mencari dan memasang saluran.

Saiz Langkah Frekuensi

TV mencari saluran dalam langkah 8MHz.

Jika langkah ini menyebabkan tiada saluran dipasang atau jika beberapa saluran hilang, anda boleh mencari dalam langkah yang lebih kecil iaitu 1MHz. Menggunakan langkah 1MHz akan mengambil lebih masa untuk mencari dan memasang saluran.

Saluran Digital

Jika anda tahu operator kabel anda tidak menawarkan saluran digital, anda boleh melangkau mencari saluran digital.

Saluran Analog

Jika anda tahu operator kabel anda tidak menawarkan saluran analog, anda boleh melangkau mencari saluran analog.

Percuma / Berbayar

Jika anda mempunyai langganan dan CAM - Modul Akses Bersyarat untuk perkhidmatan TV berbayar, pilih Percuma + Berbayar. Jika anda tidak melanggan untuk saluran TV berbayar, anda boleh memilih Saluran Percuma Sahaja.

Kualiti Penerimaan

Anda boleh memeriksa kualiti dan kekuatan isyarat pada saluran digital. Jika anda mempunyai antena sendiri, anda boleh menempatkan semula antena untuk cuba meningkatkan penerimaan.

Untuk memeriksa kualiti penerimaan saluran digital...

1 - Tala ke saluran.
2 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
3 - Pilih Saluran > Pemasangan Antena/Kabel. Masukkan kod PIN anda jika perlu.
4 - Pilih Digital: Ujian Penerimaan.
5 - Pilih Cari. Frekuensi digital ditunjukkan untuk saluran ini.
6 - Pilih Cari sekali lagi dan tekan OK untuk memeriksa kualiti isyarat frekuensi ini. Keputusan ujian ditunjukkan pada skrin. Anda boleh meletakkan semula antena atau memeriksa sambungan untuk meningkatkan penerimaan.
7 - Anda juga boleh menukar sendiri frekuensi. Pilih nombor frekuensi satu demi satu dan gunakan kekunci ^ (atas) atau v (bawah) untuk mengubah nilai. Pilih Cari dan tekan OK untuk menguji penerimaan sekali lagi.
8 - Tekan < (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Pemasangan Manual

Saluran TV analog boleh dipasang secara manual, saluran demi saluran.

Untuk memasang saluran analog secara manual...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Saluran > Pemasangan Antena/Kabel. Masukkan kod PIN anda jika perlu.
3 - Pilih Analog: Pemasangan Manual.

• Sistem
Untuk menyediakan sistem TV, pilih Sistem.
Pilih negara anda atau bahagian dunia di tempat anda berada sekarang dan tekan OK.

• Cari Saluran
Untuk mencari saluran, pilih Cari Saluran. Anda boleh memasukkan sendiri frekuensi untuk mencari saluran atau membiarkan TV mencari saluran.
Tekan › (kanan) untuk memilih Cari untuk mencari saluran secara automatik. Saluran yang ditemui ditunjukkan pada skrin dan jika penerimaan lemah, tekan Cari sekali lagi. Jika anda mahu menyimpan saluran, pilih Selesai dan tekan OK.

• Simpan
Anda boleh menyimpan saluran pada nombor saluran semasa atau sebagai nombor saluran baharu. Pilih Simpan Saluran Semasa atau Simpan sebagai Saluran Baharu. Nombor saluran baharu ditunjukkan seketika.

Anda boleh buat semula langkah ini sehingga anda menemukan semua saluran TV analog yang tersedia.

5.2
Salinan Senarai Saluran

Salin Senarai Saluran

Untuk menyalin senarai saluran...

1 - Hidupkan TV. TV ini sepatutnya mempunyai saluran yang dipasang.
2 - Pasang masuk pemacu kilat USB.
3 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
4 - Pilih Saluran > Salinan Senarai Saluran.
5 - Pilih Salin kepada USB. Anda mungkin diminta untuk memasukkan kod PIN Kunci Kanak-kanak untuk menyalin senarai saluran.
6 - Apabila penyalinan selesai, cabut pemacu kilat USB.
7 - Tekan ‹ (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Sekarang anda boleh memuat naik senarai saluran yang disalin ke dalam satu lagi TV Philips.

Versi Senarai Saluran

Periksa versi semasa senarai saluran....

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Saluran dan tekan › (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Salinan Senarai Saluran dan pilih Versi Semasa, kemudian tekan OK.
4 - Tekan ‹ (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Muat Naik Senarai Saluran

Untuk TV yang tidak Dipasang

Bergantung pada sama ada TV anda telah pun dipasang atau tidak, anda mesti menggunakan kaedah berbeza untuk memuat naik senarai saluran.

Untuk TV yang belum dipasang lagi
1 - Pasang masuk palam kuasa untuk memulakan pemasangan dan memilih bahasa dan negara. Anda boleh melangkau carian saluran. Selesaikan pemasangan.
2 - Pasang masuk pemacu kilat USB yang menyimpan senarai saluran TV lain.
3 - Untuk memulakan muat naik senarai saluran, tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
4 - Pilih Saluran > Salinan Senarai Saluran > Salin kepada TV. Masukkan kod PIN anda jika perlu.
5 - TV memberitahu anda jika senarai saluran berjaya disalin kepada TV. Cabut pemacu kilat USB.

Untuk TV yang Dipasang

Bergantung pada sama ada TV anda telah pun dipasang atau tidak, anda mesti menggunakan kaedah berbeza untuk memuat naik senarai saluran.

Untuk TV yang telah dipasang
1 - Sahkan tetapan negara TV. (Untuk mengesahkan tetapan ini, lihat bab Pasang Semula Semua Saluran. Mulakan prosedur ini sehingga anda menemui tetapan negara. Tekan ← BACK untuk membatalkan pemasangan.)
Jika negara betul, teruskan dengan langkah 2.
Jika negara tidak betul, anda perlu memulakan pemasangan semula. Lihat bab Pasang Semula Semua Saluran dan mulakan pemasangan. Pilih negara yang betul dan langkau carian saluran. Selesaikan pemasangan. Apabila selesai, teruskan dengan langkah 2.
2 - Pasang masuk pemacu kilat USB yang menyimpan senarai saluran TV lain.
3 - Untuk memulakan muat naik senarai saluran, tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.

4 - Pilih Saluran > Salinan Senarai Saluran > Salin kepada TV. Masukkan kod PIN anda jika perlu.
5 - TV memberitahu anda jika senarai saluran berjaya disalin kepada TV. Cabut pemacu kilat USB.

5.3

Tentang Saluran

Senarai Saluran

Mengenai Senarai Saluran

Selepas pemasangan saluran, semua saluran muncul pada senarai saluran. Semua saluran akan ditunjukkan bersama nama saluran dan logo, sekiranya maklumat ini tersedia.

Terdapat senarai saluran dengan semua saluran yang dipasang. Anda hanya boleh menapis senarai ini untuk menunjukkan TV atau saluran Radio sahaja.

Dengan memilih senarai saluran, tekan anak panah ^ (ke atas) atau v (ke bawah) untuk memilih saluran, kemudian tekan OK untuk menonton saluran dipilih. Anda hanya menala ke saluran dalam senarai tersebut apabila menggunakan kekunci ≡ + atau ≡ –.

Ikon saluran

Selepas Kemas Kini Saluran Automatik senarai saluran, saluran yang baharu ditemui ditandakan dengan ✸ (bintang).
Jika anda mengunci saluran, ia akan ditandakan dengan 🔒 (kunci).
3 saluran paling popular ditonton oleh orang lain pada masa ini ditandakan dengan 1, 2 atau 3.

Stesen radio

Jika penyiaran digital tersedia, stesen radio digital akan dipasang semasa pemasangan. Tukar ke saluran radio sama seperti anda menukar ke saluran TV.

TV ini boleh menerima DVB standard televisyen digital. TV tidak akan berfungsi dengan baik dengan beberapa operator televisyen digital dan jika keperluan standard yang lengkap tidak dipenuhi.

Buka Senarai Saluran

Bersebelahan senarai semua saluran, anda boleh memilih senarai yang ditapis atau anda boleh memilih salah satu senarai kegemaran yang anda cipta.

Untuk membuka senarai saluran semasa...

1 - Tekan TV, untuk beralih kepada TV.
2 - Tekan ≡ LIST* atau OK untuk membuka senarai saluran semasa.
3 - Tekan ← BACK untuk menutup senarai saluran.

Untuk memilih salah satu senarai saluran...

1 - Dengan senarai saluran dibuka pada skrin.
2 - Pilih nama senarai di bahagian atas senarai saluran dan tekan OK untuk membuka menu senarai.
3 - Dalam menu senarai, pilih salah satu senarai saluran yang tersedia dan tekan OK.

* Jika ≡ kekunci LIST tersedia pada alat kawalan jauh anda

Tapis Senarai Saluran

Anda boleh menapis senarai dengan semua saluran. Anda boleh menetapkan senarai saluran untuk menunjukkan saluran TV sahaja atau stesen Radio sahaja. Untuk saluran Antena/Kabel anda boleh menetapkan senarai untuk menunjukkan saluran Siaran Percuma atau Berbayar.

Untuk menetapkan penapis pada senarai dengan semua saluran...

1 - Tekan TV.
2 - Tekan OK untuk membuka senarai saluran semasa.
3 - Dengan senarai saluran dibuka pada skrin, pilih nama senarai di bahagian atas senarai saluran dan tekan OK untuk membuka menu senarai.
4 - Dalam menu senarai, pilih senarai yang anda mahu tapis.
5 - Tekan < (kiri) untuk kembali satu langkah atau tekan ← untuk menutup menu.

Cari Saluran

Anda boleh mencari saluran untuk menemuinya dalam senarai panjang saluran.

TV boleh mencari saluran dalam satu daripada 2 senarai saluran utama - senarai saluran Antena atau Kabel.

Untuk mencari saluran...

1 - Tekan TV.
2 - Tekan OK untuk membuka senarai saluran semasa.
3 - Pilih ⋮ di penjuru kanan atas dan tekan OK.
4 - Pilih Cari Saluran dan tekan OK untuk membuka medan teks. Anda boleh menggunakan papan kekunci alat kawalan jauh (jika tersedia) atau papan kekunci pada skrin untuk memasukkan teks.
5 - Masukkan nombor, nama atau bahagian nama dan pilih Gunakan dan tekan OK. TV akan mencari nama saluran yang sepadan dalam senarai yang anda pilih.

Hasil carian disenaraikan sebagai senarai saluran - lihat nama senarai di bahagian atas. Hasil carian hilang sebaik sahaja anda memilih senarai saluran

lain atau menutup senarai dengan hasil carian.

Menonton saluran

Tala ke Saluran

Untuk mula menonton saluran TV, tekan TV. TV menala ke saluran terakhir yang anda tonton.

Tukar Saluran

Untuk menukar saluran, tekan ≡ + atau ≡ –. Jika anda mengetahui nombor saluran, taipkan nombor dengan kekunci nombor. Tekan OK selepas anda memasukkan nombor untuk menukar saluran serta-merta.

Jika maklumat tersedia daripada Internet, TV menunjukkan nama dan butiran program semasa diikuti dengan nama dan butiran seterusnya.

Saluran sebelumnya

Untuk kembali ke saluran yang ditala sebelum ini, tekan ← BACK.

Anda juga boleh menala ke saluran daripada Senarai Saluran.

Kunci Saluran

Kunci dan Buka Kunci Saluran

Anda boleh mengunci saluran untuk mengelakkan kanak-kanak daripada menonton saluran. Untuk menonton saluran dikunci, anda perlu memasukkan kod PIN Kunci Kanak-kanak 4 digit terlebih dahulu. Anda tidak boleh mengunci program daripada peranti yang disambungkan.

Untuk mengunci saluran...

1 - Tekan TV.
2 - Tekan OK untuk membuka senarai saluran. Ubah senarai saluran jika perlu.
3 - Pilih ⋮ di penjuru kanan atas dan tekan OK.
4 - Pilih Kunci/Buka Kunci dan tekan OK.
5 - Masukkan kod PIN 4 digit anda jika TV memintanya.
6 - Pilih saluran yang anda mahu kunci dan tekan OK. Saluran dikunci ditandakan dengan 🔒 (kunci).
7 - Tekan ‹ (kiri) untuk kembali satu langkah atau tekan ← BACK untuk menutup menu.

Untuk membuka kunci saluran...

1 - Tekan TV.
2 - Tekan OK untuk membuka senarai saluran. Ubah senarai saluran jika perlu.
3 - Pilih ⋮ di penjuru kanan atas dan tekan OK.
4 - Pilih Kunci/Buka Kunci dan tekan OK.
5 - Masukkan kod PIN 4 digit anda jika TV memintanya.
6 - Tekan ‹ (kiri) untuk kembali satu langkah atau tekan ← BACK untuk menutup menu.

Jika anda mengunci atau membuka kunci saluran dalam senarai saluran, anda hanya perlu memasukkan kod PIN sekali sahaja sehingga anda menutup senarai saluran.

Penilaian Ibu Bapa

Untuk menghalang kanak-kanak daripada menonton program yang tidak sesuai untuk umur mereka, anda boleh menetapkan penilaian umur.

Saluran digital boleh menjadikan programnya dinilai mengikut umur. Apabila program penilaian umur adalah sama atau lebih daripada umur yang anda tetapkan sebagai penilaian umur untuk anak anda, program akan dikunci. Anda perlu memasukkan kod Penilaian Ibu Bapa dahulu untuk menonton program yang dikunci.

Untuk menetapkan penilaian umur...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Kunci Kanak-kanak > Penilaian Ibu Bapa.
3 - Masukkan kod Kunci kanak-kanak 4 digit. Jika anda masih belum menetapkan kod, pilih Tetapkan Kod dalam Kunci Kanak-kanak. Masukkan kod Kunci kanak-kanak 4 digit dan sahkan. Kini anda boleh menetapkan penilaian umur.
4 - Kembali dalam Penilaian Ibu Bapa, pilih umur.
5 - Tekan ‹ (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Untuk mematikan penilaian ibu bapa, pilih Tiada. Bagaimanapun, di sesetengah negara anda perlu menetapkan penilaian umur.

Untuk sesetengah penyiar/operator, TV hanya mengunci program dengan penilaian yang lebih tinggi. Penilaian ibu bapa ditetapkan untuk semua saluran.

Pilihan Saluran

Buka Pilihan

Anda boleh menetapkan beberapa pilihan semasa menonton saluran.

Bergantung pada jenis saluran yang anda tonton atau bergantung pada tetapan TV yang anda buat, beberapa pilihan tersedia.

Untuk membuka menu pilihan...

1 - Semasa menonton saluran, tekan + OPTIONS > ⚌ Keutamaan.
2 - Tekan + OPTIONS sekali lagi untuk menutup.

Namakan Semula Saluran

Anda boleh menamakan semula saluran semasa menontonnya.

Untuk menamakan semula saluran...

1 - Semasa menonton saluran, tekan + OPTIONS.
2 - Pilih Keutamaan > Namakan Semula Saluran.
3 - Gunakan papan kekunci di bahagian belakang alat kawalan jauh untuk memadamkan nama semasa dan memasukkan nama baharu.

Antara Muka Bersama

Jika anda memasang CAM dalam salah satu slot Antara Muka Bersama, anda boleh melihat CAM dan maklumat operator information atau lakukan beberapa tetapan yang berkaitan dengan CAM.

Untuk melihat maklumat CAM...

1 - Tekan SOURCES .
2 - Pilih jenis saluran untuk CAM yang anda gunakan untuk Tonton TV.
3 - Tekan + OPTIONS dan pilih Keutamaan > Antara Muka Bersama.
4 - Pilih slot Antara Muka Bersama yang sesuai dan tekan > (kanan).
5 - Pilih operator TV CAM dan tekan OK. Skrin berikut datang daripada operator TV.

Maklumat Saluran

Anda boleh melihat ciri teknikal saluran tertentu, seperti digital atau jenis bunyi dsb.

Untuk melihat maklumat teknikal pada saluran...

1 - Tala ke saluran.
2 - Tekan + OPTIONS, pilih Keutamaan dan tekan OK.
3 - Pilih Maklumat Saluran dan tekan OK.
4 - Untuk menutup skrin ini, tekan OK.

Maklumat Program

Lihat butiran program

Untuk mendapatkam butiran program yang dipilih...

1 - Tala ke saluran.
2 - Tekan + OPTIONS, pilih Keutamaan dan tekan OK.
3 - Pilih Maklumat Program dan tekan OK, anda boleh melihat maklumat program.
4 - Tekan ← BACK untuk menutup.

Mono / Stereo

Anda boleh menukar bunyi saluran analog kepada Mono atau Stereo.

Untuk menukar kepada Mono atau Stereo...

1 - Tala kepada saluran analog.
2 - Tekan + OPTIONS dan pilih Keutamaan > Mono/Stereo dan tekan > (kanan).
3 - Pilih Mono atau Stereo dan tekan OK.
4 - Tekan < (kiri) untuk kembali satu langkah atau tekan ← BACK untuk menutup menu.

Pilihan Video

Saluran TV digital boleh menawarkan berbilang isyarat video (berbilang suapan siaran), sudut pandangan atau sudut kamera berbeza untuk acara yang sama atau program yang berbeza pada satu saluran TV. TV menunjukkan mesej jika mana-mana saluran TV tersebut tersedia.

Duaan I-II

Jika isyarat audio mengandungi dua bahasa audio tetapi satu bahasa atau kedua-duanya tidak mempunyai penunjuk bahasa, maka pilihan ini tersedia.

Saluran Peta

Jika tiada maklumat program, anda boleh membuat saluran peta untuk mendapatkan lebih banyak maklumat program.

1 - Tekan TV GUIDE dan gunakan kekunci navigasi untuk memilih ⋮ di bahagian tengah dan tekan OK.
2 - Pilih Panduan TV > Daripada Internet dan tekan OK.
3 - Pilih satu saluran dalam Panduan TV, kemudian tekan OK untuk menonton saluran dipilih.
4 - Semasa menonton saluran, tekan + OPTIONS.
5 - Pilih Keutamaan > Saluran Peta.
6 - Pilih satu item dalam senarai dan tekan OK.
7 - Pilih Saluran Peta.
8 - Setelah selesai, anda akan melihat maklumat saluran dipetakan dalam program.

Tukar Logo

Jika tiada maklumat program, anda boleh mendapatkan lebih banyak maklumat program menggunakan langkah di bawah.

1 - Tekan TV GUIDE dan gunakan kekunci

navigasi untuk memilih ⋮ di bahagian tengah dan tekan OK.
2 - Pilih Panduan TV > Daripada Penyiar dan tekan OK.
3 - Pilih satu saluran dalam Panduan TV, kemudian tekan OK untuk menonton saluran dipilih.
4 - Semasa menonton saluran, tekan + OPTIONS.
5 - Pilih ⚌ Keutamaan > Tukar Logo.
6 - Pilih satu item dalam senarai dan tekan OK.
7 - Pilih Tukar Logo.
8 - Setelah selesai, anda akan melihat maklumat saluran dipetakan dalam program.

Saluran Kegemaran

Mengenai Saluran Kegemaran

Dalam senarai saluran kegemaran, anda boleh mengumpulkan saluran yang anda suka.

Anda boleh mencipta 8 senarai saluran kegemaran yang berbeza untuk menukar saluran dengan mudah. Anda boleh menamakan setiap Senarai Kegemaran secara individu. Anda boleh atur semula saluran hanya dalam Senarai Kegemaran sahaja.

Dengan memilih Senarai Kegemaran, tekan anak panah ∧ (ke atas) atau ∨ (ke bawah) untuk memilih saluran, kemudian tekan OK untuk menonton saluran dipilih. Anda hanya menala ke saluran dalam senarai tersebut apabila menggunakan kekunci ☰ + atau ☰ –.

Cipta Senarai Kegemaran

Untuk mencipta senarai saluran kegemaran daripada senarai saluran...

1 - Tekan TV, untuk beralih kepada TV.
2 - Tekan ☰ LIST (jika tersedia) atau OK untuk membuka senarai saluran semasa.
3 - Pilih ⋮ di penjuru kanan atas dan tekan OK.
4 - Pilih Cipta Senarai Kegemaran dan tekan OK.
5 - Dalam senarai di sebelah kiri, pilih saluran yang mahu dijadikan kegemaran dan tekan + OPTIONS. Saluran diletakkan ke dalam senarai di sebelah kanan mengikut turutan anda menambahkannya. Untuk membuat asal, pilih saluran dalam senarai di sebelah kiri dan tekan + OPTIONS sekali lagi. Anda turut boleh memilih sekumpulan saluran dengan menekan ∨ (ke bawah) untuk memilih saluran terakhir bagi julat yang mahu tambahkan, kemudian tekan OK.
6 - Untuk menyelesaikan menambah saluran, tekan ← BACK.
7 - TV akan meminta untuk menamakan semula Senarai Kegemaran. Anda boleh menggunakan papan kekunci pada skrin atau tekan ← BACK untuk menyembunyikan papan kekunci pada skrin, kemudian gunakan papan kekunci di bahagian belakang alat kawalan jauh (jika tersedia) untuk memasukkan nama baharu.

Jika senarai saluran panjang, anda boleh memilih mana-mana saluran, kemudian tekan + OPTIONS untuk membuka menu pilihan, kemudian pilih Cipta Senarai Kegemaran dan tekan OK.

Untuk mencipta senarai saluran kegemaran baharu dengan menyalin senarai saluran kegemaran sedia ada...
1 - Tekan TV, untuk beralih kepada TV.
2 - Tekan ☰ LIST (jika tersedia) atau OK untuk membuka senarai saluran semasa.
3 - Pilih ⋮ di penjuru kanan atas dan tekan OK.
4 - Pilih Duplikasikan Senarai Kegemaran dan tekan OK.
5 - Dalam senarai di sebelah kiri, pilih saluran yang mahu dijadikan kegemaran dan tekan + OPTIONS. Saluran diletakkan ke dalam senarai di sebelah kanan mengikut turutan anda menambahkannya. Untuk membuat asal, pilih saluran dalam senarai di sebelah kiri dan tekan + OPTIONS sekali lagi. Anda turut boleh memilih sekumpulan saluran dengan menekan ∨ (ke bawah) untuk memilih saluran terakhir bagi julat yang mahu tambahkan, kemudian tekan OK.
6 - Untuk menyelesaikan menambah saluran, tekan ← BACK.
7 - TV akan meminta untuk menamakan semula Senarai Kegemaran. Anda boleh menggunakan papan kekunci pada skrin atau tekan ← BACK untuk menyembunyikan papan kekunci pada skrin, kemudian gunakan papan kekunci di bahagian belakang alat kawalan jauh (jika tersedia) untuk memasukkan nama baharu.

Anda boleh menambahkan pelbagai saluran sekaligus atau memulakan Senarai Kegemaran dengan menduplikasi senarai saluran dengan semua saluran lalu mengalih keluar saluran yang tidak dikehendaki.

Tambah Julat Saluran

Untuk menambahkan julat saluran yang berturutan pada Senarai Kegemaran sekaligus, anda boleh menggunakan Pilih Julat.

Untuk menambah julat saluran...

1 - Tekan ⇥ SOURCE.
2 - Pilih Kegemaran.
3 - Buka Senarai Kegemaran yang anda mahu menambahkan julat saluran.
4 - Pilih ⋮ di penjuru kanan atas dan tekan OK.
5 - Pilih Edit Senarai Kegemaran dan tekan OK.
6 - Dalam senarai di sebelah kiri, pilih saluran pertama bagi julat yang hendak anda tambahkan dan

tekan OK.
7 - Tekan ⌄ (ke bawah) untuk memilih saluran terakhir bagi julat yang mahu ditambahkan, kemudian tekan OK.
8 - Pilih Tambah dan tekan OK. Saluran ditandakan di sebelah kiri.

Namakan semula Senarai Kegemaran

Anda hanya boleh menamakan semula Senarai Kegemaran.

Untuk menamakan semula Senarai Kegemaran...

1 - Tekan SOURCE.
2 - Pilih Kegemaran.
3 - Pilih ⋮ di penjuru kanan atas dan tekan OK.
4 - Pilih Namakan Semula Senarai Kegemaran dan tekan OK.
5 - Gunakan papan kekunci pada skrin atau tekan ← BACK untuk menyembunyikan papan kekunci pada skrin, kemudian gunakan papan kekunci di bahagian belakang alat kawalan jauh (jika tersedia) untuk memasukkan nama baharu.
6 - Apabila selesai, pusingkan alat kawalan jauh, pilih Tutup dan tekan OK.
7 - Tekan ← BACK untuk menutup senarai saluran.

Alih Keluar Senarai Kegemaran

Anda hanya boleh mengalih keluar Senarai Kegemaran.

Untuk mengalih keluar Senarai Kegemaran...

1 - Tekan SOURCE.
2 - Pilih Kegemaran.
3 - Pilih ⋮ di penjuru kanan atas dan tekan OK.
4 - Pilih Alih Keluar Senarai Kegemaran dan tekan OK.

Atur Semula Saluran

Anda boleh mengubah turutan saluran (atur semula) hanya dalam Senarai Kegemaran.

Untuk menukar turutan saluran...

1 - Tekan SOURCES dan pilih Kegemaran.
2 - Buka Senarai Kegemaran yang hendak diatur semula.
3 - Pilih ⋮ di penjuru kanan atas dan tekan OK.
4 - Pilih Atur Semula Saluran dan tekan OK.
5 - Dalam Senarai Kegemaran, pilih saluran yang anda mahu atur semula dan tekan OK. (Saluran akan ditandakan dengan kotak kelabu)
6 - Dengan kekunci ⌃ (atas) atau ⌄ (bawah) alihkan saluran ke tempat yang anda mahu.
7 - Tekan OK untuk mengesahkan lokasi baharu.
8 - Anda boleh mengatur semula saluran dengan kaedah sama sehingga anda menutup Senarai Kegemaran dengan kekunci ← BACK.

Teks / Teleteks

Halaman Teks

Untuk membuka Teks/Teleteks tekan TEXT semasa anda menonton saluran TV.
Untuk menutup Teks, tekan TEXT sekali lagi.

Pilih halaman Teks

Untuk memilih halaman . . .

1 - Masukkan nombor halaman dengan kekunci nombor.
2 - Gunakan kekunci anak panah untuk menavigasi.
3 - Tekan kekunci warna untuk memilih subjek berkod warna di bahagian bawah skrin.

Subhalaman teks

Nombor halaman teks boleh menyimpan beberapa subhalaman. Nombor subhalaman ditunjukkan pada bar bersebelahan dengan nombor halaman utama.
Untuk memilih subhalaman, tekan ❮ atau ❯.

T.O.P. Halaman teks

Sesetengah penyiar menawarkan T.O.P. Teks.
Untuk membuka T.O.P. Halaman teks dalam Teks, tekan + OPTIONS dan pilih Gambaran Keseluruhan T.O.P..

Halaman kegemaran

TV membuat senarai 10 halaman Teks terakhir yang anda buka. Anda boleh membukanya semula dengan mudah sekali lagi dalam lajur halaman Teks Kegemaran.

1 - Dalam Teks, pilih ❤ (hati) di sudut kiri atas skrin untuk menunjukkan lajur halaman kegemaran.
2 - Tekan ⌄ (bawah) atau ⌃ (atas) untuk memilih nombor halaman dan tekan OK untuk membuka halaman.
Anda boleh mengosongkan senarai dengan pilihan Kosongkan Halaman Kegemaran.

Cari Teks

Anda boleh memilih perkataan dan mengimbas Teks untuk semua kehadiran perkataan ini.

1 - Buka halaman Teks dan tekan OK.
2 - Pilih perkataan atau nombor dengan kekunci anak panah.
3 - Tekan OK sekali lagi untuk melompat serta-merta ke kehadiran yang seterusnya bagi perkataan atau nombor ini.
4 - Tekan OK sekali lagi untuk melompat ke kehadiran seterusnya.
5 - Untuk berhenti mencari, tekan ⌃ (atas) sehingga tiada apa-apa dipilih.
Teks daripada peranti yang disambungkan

Sesetengah peranti yang menerima saluran TV juga boleh menawarkan Teks.
Untuk membuka Teks daripada peranti yang disambungkan . . .

1 - Tekan SOURCES pilih peranti dan tekan OK.
2 - Semasa menonton saluran pada peranti, tekan + OPTIONS , pilih Tunjukkan Kekunci Peranti dan pilih kekunci dan tekan OK.
3 - Tekan ← BACK untuk menyembunyikan kekunci peranti.
4 - Untuk menutup Teks, tekan ← BACK sekali lagi.

Teks Digital (UK sahaja)

Sesetengah penyiar digital menawarkan Teks Digital khusus atau TV interaktif pada saluran TV digital mereka. Ini termasuk Teks normal menggunakan nombor, warna dan kekunci anak panah untuk memilih dan menavigasi.

Untuk menutup Teks Digital, tekan ← BACK.

Pilihan Teks

Dalam Teks/Teleteks, tekan +OPTIONS untuk memilih yang berikut...

• Kakukan halaman
Untuk menghentikan putaran automatik subhalaman.
• Dwiskrin / Skrin penuh
Untuk menunjukkan saluran TV dan Teks saling bersebelahan.
• Gambaran keseluruhan T.O.P.
Untuk membuka T.O.P. Teks.
• Besarkan
Untuk membesarkan halaman Teks agar dapat dibaca dengan selesa.
• Dedah
Untuk mendedahkan maklumat tersembunyi pada halaman.
• Subhalaman kitaran
Untuk subhalaman kitaran apabila ini tersedia.
• Sembunyikan/Tunjukkan Halaman Kegemaran
Untuk menyembunyikan atau menunjukkan senarai halaman kegemaran.
• Kosongkan Halaman Kegemaran
Untuk mengosongkan senarai halaman kegemaran.
• Bahasa
Untuk mengalihkan kumpulan aksara yang digunakan Teks untuk memaparkan dengan betul.
• Teks 2.5
Untuk mengaktifkan Teks 2.5 untuk lebih banyak warna dan grafik yang lebih baik.

Persediaan Teks

Bahasa teks

Sesetengah penyiar TV digital mempunyai beberapa bahasa Teks tersedia.
Untuk menetapkan bahasa Teks utama dan sekunder anda. . .

1 - Tekan , pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Wilayah dan Bahasa dan tekan > (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Bahasa > Teks Utama atau Teks Sekunder.
4 - Pilih bahasa Teks keutamaan anda.
5 - Tekan < (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Teks 2.5

Jika tersedia, Teks 2.5 menawarkan lebih banyak warna dan grafik yang lebih baik. Teks 2.5 diaktifkan sebagai tetapan kilang standard.
Untuk mematikan Teks 2.5...

1 - Tekan TEXT.
2 - Dengan Teks/Teleteks dibuka pada skrin, tekan + OPTIONS.
3 - Pilih Teks 2.5 > Mati dan tekan OK.
4 - Tekan < (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

6

Sambungkan Peranti

6.1

Perihal Sambungan

Panduan Ketersambungan

Sentiasa sambungkan peranti TV dengan sambungan kualiti paling tinggi yang tersedia. Gunakan juga kabel berkualiti baik untuk memastikan pemindahan gambar dan bunyi yang baik.

Apabila anda menyambungkan peranti, TV mengecam jenisnya dan memberikan nama jenis yang betul kepada setiap peranti. Anda boleh menukar nama jenis jika mahu. Jika nama jenis yang betul untuk peranti ditetapkan, TV secara automatik bertukar ke tetapan TV paling sesuai apabila anda beralih ke peranti ini dalam menu Sumber.

Jika anda memerlukan bantuan untuk menyambungkan beberapa peranti ke TV, anda boleh melawati panduan ketersambungan Philips TV. Panduan menawarkan maklumat mengenai cara untuk menyambung dan kabel yang perlu digunakan.

Pergi ke www.connectivityguide.philips.com

Port Antena

Jika anda mempunyai Kotak set atas (penerima digital) atau Perakam, sambungkan kabel antena untuk menjalankan isyarat antena melalui Kotak set atas dan/atau Perakam dahulu sebelum memasuki TV. Melalui cara ini, antena dan Kotak set atas boleh menghantar kemungkinan saluran tambahan ke Perakam untuk merakam.



6.2

Port HDMI

Kualiti HDMI

Sambungan HDMI mempunyai kualiti gambar dan bunyi yang terbaik. Satu kabel HDMI menggabungkan isyarat video dan audio. Gunakan kabel HDMI untuk isyarat TV.

Untuk pemindahan kualiti isyarat yang terbaik, gunakan kabel HDMI berkelajuan Tinggi dan jangan gunakan kabel HDMI yang lebih daripada 5 m.

Jika peranti yang disambungkan dengan HDMI tidak berfungsi dengan betul, periksa sama ada tetapan HDMI Ultra HD yang berbeza boleh menyelesaikan masalah ini. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, dalam Bantuan, pilih Kata Kunci dan cari HDMI Ultra HD.



Perlindungan salinan

Kabel HDMI menyokong HDCP 2.2 (Perlindungan Kandungan Digital Lebar Jalur Tinggi). HDCP ialah isyarat perlindungan salinan yang menghalang penyalinan kandungan daripada cakera DVD atau Cakera Blu-ray. Turut dirujuk sebagai DRM (Pengurusan Hak Digital).

HDMI ARC

Semua sambungan HDMI pada TV mempunyai HDMI ARC (Saluran Audio Kembali).

Jika peranti tersebut, biasanya Sistem Teater Rumah (HTS), turut mempunyai sambungan HDMI ARC, sambungkannya ke mana-mana sambungan HDMI pada TV ini. Dengan sambungan HDMI ARC, anda tidak perlu menyambungkan kabel audio tambahan yang menghantar bunyi gambar TV ke HTS. Sambungan HDMI ARC menggabungkan kedua-dua isyarat.

Anda boleh menggunakan sebarang sambungan HDMI pada TV ini untuk menyambungkan HTS tetapi ARC hanya tersedia untuk 1 peranti/sambungan pada satu-satu masa.

HDMI MHL

Dengan HDMI MHL, anda boleh menghantar perkara yang anda lihat pada telefon pintar Android atau tablet anda ke skrin TV.

Sambungan HDMI 4 pada TV ini menggabungkan MHL 2.0 (Pautan Definisi Tinggi Mudah Alih).

Sambungan berwayar ini menawarkan kestabilan dan lebar jalur yang bagus, kependaman yang rendah, tiada gangguan wayarles dan penghasilan semula bunyi dengan kualiti yang baik. Selain itu, sambungan MHL akan mengecas bateri telefon pintar atau tablet anda. Walaupun bersambung, peranti mudah alih anda tidak akan mengecas semasa TV berada dalam keadaan tunggu sedia.

Ketahui tentang pilihan kabel MHL pasif yang sesuai untuk peranti mudah alih anda. Terutamanya, dengan penyambung HDMI untuk TV pada satu sisi, jenis penyambung yang anda perlukan untuk bersambung ke telefon pintar atau tablet anda.

MHL, Pautan Definisi Tinggi Mudah Alih dan logo MHL ialah tanda dagangan atau tanda dagangan berdaftar MHL, LLC.

HDMI CEC - EasyLink

Sambungan HDMI mempunyai kualiti gambar dan bunyi yang terbaik. Satu kabel HDMI menggabungkan isyarat video dan audio. Gunakan kabel HDMI untuk isyarat TV Definisi Tinggi (HD). Untuk pemindahan kualiti isyarat yang terbaik, gunakan kabel HDMI berkelajuan Tinggi dan jangan gunakan kabel HDMI yang lebih daripada 5 m.



EasyLink HDMI CEC

Jika peranti anda disambungkan dengan HDMI dan mempunyai EasyLink, anda boleh mengendalikannya dengan alat kawalan jauh TV. EasyLink HDMI CEC perlu Dihidupkan pada TV dan peranti yang disambungkan.

Dengan EasyLink anda boleh mengendalikan peranti yang disambungkan dengan alat kawalan jauh TV. EasyLink menggunakan HDMI CEC (Kawalan Elektronik Pengguna) untuk berkomunikasi dengan peranti yang disambungkan. Peranti perlu menyokong HDMI CEC dan perlu disambungkan dengan sambungan HDMI.

Persediaan EasyLink

TV didatangkan dengan EasyLink dihidupkan. Pastikan bahawa semua tetapan HDMI CEC disediakan dengan betul pada peranti EasyLink yang disambungkan. EasyLink mungkin tidak berfungsi dengan peranti daripada jenama lain.

HDMI CEC pada jenama lain

Kefungsian HDMI CEC mempunyai nama yang berbeza pada jenama berbeza. Beberapa contoh ialah: Anynet, Aquos Link, Bravia Theatre Sync, Kuro Link, Simplink dan Viera Link. Tidak semua jenama serasi sepenuhnya dengan EasyLink.

Contoh nama penjenamaan HDMI CEC adalah harta pemilik masing-masing.

DVI ke HDMI

Jika anda masih memiliki peranti yang hanya mempunyai sambungan DVI, anda boleh menyambungkan peranti ke mana-mana sambungan HDMI dengan DVI ke penyesuai HDMI.

Gunakan DVI ke penyesuai HDMI jika peranti anda hanya mempunyai sambungan DVI. Gunakan salah satu sambungan HDMI dan tambahkan kabel L/R Audio (bicu mini 3.5mm) pada Audio Masuk untuk bunyi, pada bahagian belakang TV.



Perlindungan Salinan

Kabel DVI dan HDMI menyokong HDCP (Perlindungan Kandungan Digital Lebar Jalur Tinggi). HDCP ialah isyarat perlindungan salinan yang menghalang penyalinan kandungan daripada cakera DVD atau Cakera Blu-ray. Turut dirujuk sebagai DRM (Pengurusan Hak Digital).

6.3

Y Pb Pr - Komponen

Y Pb Pr - Video Komponen ialah sambungan berkualiti tinggi.

Sambungan YPbPr boleh digunakan untuk isyarat TV Definisi Tinggi (HD). Bersebelahan dengan isyarat Y, Pb dan Pr tambahkan isyarat Kanan dan Kiri Audio untuk bunyi.

Padankan warna penyambung YPbPr (hijau, biru, merah) dengan palam kabel apabila anda menyambung.
Gunakan kabel calar Audio L/R jika peranti anda turut mempunyai bunyi.



6.4

Scart

Nota: Tiada sokongan untuk negara di Asia Pasifik, Timur Tengah dan Afrika.

SCART ialah ssambungan berkualiti tinggi.

Sambungan SCART boleh digunakan untuk isyarat video CVBS dan RGB tetapi tidak boleh digunakan untuk isyarat TV Definisi Tinggi (HD). Sambungan SCART menggabungkan isyarat video dan audio. Sambungan SCART turut menyokong main balik NTSC.



6.5

Audio Keluar - Optik

Audio Keluar- Optikal ialah sambungan bunyi berkualiti tinggi.

Sambungan optik ini boleh membawa saluran radio 5.1. Jika peranti anda, yang biasanya merupakan Sistem Teater Rumah (HTS), tidak mempunyai sambungan HDMI ARC, anda boleh menggunakan sambungan ini dengan sambungan Audio Dalam - Optik pada HTS. Sambungan Audio Keluar - Optik menghantar bunyi daripada TV ke HTS.



6.6

CAM dengan Kad Pintar - CI+

Perihal CI+

Nota: Tiada sokongan untuk negara di Asia Pasifik, Timur Tengah dan Afrika.

CI+

TV ini bersedia untuk Akses Bersyarat CI+ .

Dengan CI+ anda boleh menonton program HD premium, seperti filem dan sukan, yang ditawarkan oleh operator TV digital dalam wilayah anda. Program ini adalah berbayar oleh operator TV dan dinyahkarau dengan modul CI+ prabayar.
Operator TV digital menyediakan modul CI+ (Modul Akses Bersyarat - CAM) dan kad pintar yang disertakan apabila anda melanggan program premiumnya. Program ini mempunyai tahap perlindungan salinan yang tinggi.

Hubungi operator TV digital untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai terma & syarat.

Kata Laluan dan kod PIN

Untuk sesetengah CAM, anda perlu memasukkan kod PIN untuk menonton salurannya. Apabila anda menetapkan kod PIN untuk CAM, kami mengesyorkan anda untuk menggunakan kod sama yang anda gunakan untuk membuka kunci TV.

Untuk menetapkan kod PIN untuk CAM...

1 - Tekan SOURCES .
2 - Pilih jenis saluran untuk CAM yang anda gunakan untuk Tonton TV.
3 - Tekan + OPTIONS dan pilih Antara Muka Bersama.
4 - Pilih operator TV CAM. Skrin berikut datang daripada operator TV. Ikut arahan pada skrin untuk mencari tetapan kod PIN.

6.7

Penerima - Kotak Set Atas

Kotak Kabel

Gunakan 2 kabel antena untuk menyambungkan antena ke Kotak set atas (penerima digital) dan TV.



Tambah kabel HDMI untuk menyambung Kotak set atas ke TV, bersebelahan dengan sambungan antena.



Pemasa Mati

Matikan pemasa automatik ini, jika anda menggunakan alat kawalan jauh Kotak set atas sahaja. Matikan pemasa ini untuk mengelakkan TV daripada mati secara automatik selepas tempoh 4 jam tanpa menekan kekunci pada alat kawalan jauh TV.

6.8

Sistem Teater Rumah - HTS

Sambung dengan HDMI ARC

Gunakan kabel HDMI untuk menyambungkan Sistem Teater Rumah (HTS) ke TV. Anda boleh menyambungkan Philips Soundbar atau HTS dengan pemain cakera terbina dalam.

HDMI ARC

Jika Sistem Teater Rumah anda mempunyai sambungan HDMI ARC, anda boleh menggunakan sebarang sambungan HDMI pada TV untuk bersambung. Dengan HDMI ARC, anda tidak perlu menyambungkan kabel audio tambahan. Sambungan HDMI ARC menggabungkan kedua-dua isyarat. Semua sambungan HDMI pada TV boleh menawarkan isyarat Saluran Audio Kembali (ARC). Tetapi sebaik sahaja anda telah menyambungkan Sistem Teater Rumah, TV hanya boleh menghantar isyarat ARC ke sambungan HDMI ini.



Penyegerakan audio ke video (segerak)

Jika bunyi tidak sepadan dengan video pada skrin, anda boleh menetapkan lengah pada kebanyakan Sistem Teater Rumah dengan pemain cakera agar sepadan dengan bunyi dengan video.

Sambung dengan HDMI ARC

Gunakan kabel HDMI untuk menyambungkan Sistem Teater Rumah (HTS) ke TV. Anda boleh menyambungkan Philips Soundbar atau HTS dengan pemain cakera terbina dalam.

HDMI ARC

Jika Sistem Teater Rumah anda mempunyai sambungan HDMI ARC, anda boleh menggunakan mana-mana sambungan
HDMI HDMI2, HDMI3, HDMI4 pada TV untuk sambungan. Dengan HDMI ARC, anda tidak perlu menyambungkan kabel audio tambahan. Sambungan HDMI ARC menggabungkan kedua-dua isyarat. Sambungan HDMI2, HDMI3, HDMI4 pada TV boleh menawarkan isyarat Saluran Audio Kembali (ARC). Tetapi sebaik sahaja anda telah menyambungkan

Sistem Teater Rumah, TV hanya boleh menghantar isyarat ARC ke sambungan HDMI ini.



Penyegerakan audio ke video (segerak)

Jika bunyi tidak sepadan dengan video pada skrin, anda boleh menetapkan lengah pada kebanyakan Sistem Teater Rumah dengan pemain cakera agar sepadan dengan bunyi dengan video.

Sambung dengan HDMI

Gunakan kabel HDMI untuk menyambungkan Sistem Teater Rumah (HTS) ke TV. Anda boleh menyambungkan Philips Soundbar atau HTS dengan pemain cakera terbina dalam.

Jika Sistem Teater Rumah tidak mempunyai sambungan HDMI ARC, tambah kabel audio optik (Toslink) untuk menghantar bunyi gambar TV ke Sistem Teater Rumah.



Penyegerakan audio ke video (segerak)

Jika bunyi tidak sepadan dengan video pada skrin, anda boleh menetapkan lengah pada kebanyakan Sistem Teater Rumah dengan pemain cakera agar sepadan dengan bunyi dengan video.

Masalah dengan bunyi HTS

Bunyi dengan hingar yang kuat

Jika anda menonton video daripada pemacu kilat USB yang dipasangkan atau komputer yang disambungkan, bunyi daripada Sistem Teater Rumah anda mungkin herot. Hingar ini didengari apabila fail audio atau video mempunyai bunyi DTS tetapi Sistem Teater Rumah tidak mempunyai pemprosesan bunyi DTS. Anda boleh membetulkan ini dengan menetapkan Format Audio Keluar TV kepada Stereo (dinyahmampat).

Tekan ⚙ untuk Semua Tetapan > Bunyi > Lanjutan > Format Audio Keluar.

Tiada bunyi

Jika anda tidak boleh mendengar bunyi daripada TV pada Sistem Teater Rumah anda, pastikan jika anda menyambungkan kabel HDMI ke sambungan HDMI ARC pada Sistem Teater Rumah. Semua sambungan HDMI pada TV ialah sambungan HDMI ARC.

6.9

Telefon pintar dan Tablet

Anda boleh menggunakan sambungan wayarles atau berwayar untuk menyambungkan telefon pintar atau tablet ke TV.

Wayarles

Untuk sambungan wayarles, muat turun Philips TV Remote App daripada gedung aplikasi kegemaran anda pada telefon pintar atau tablet anda.

Berwayar

Untuk sambungan berwayar, gunakan sambungan HDMI 4 MHL di bahagian belakang TV. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, dalam Bantuan, pilih Kata Kunci dan cari HDMI MHL untuk mendapatkan maklumat lanjut.

6.10

Pemain Cakera Blu-ray

Gunakan kabel HDMI berkelajuan tinggi untuk menyambungkan pemain Cakera Blu-ray ke TV.



Jika pemain Cakera Blu-ray mempunyai EasyLink HDMI CEC, anda boleh mengendalikan pemain dengan alat kawalan jauh TV.

6.11

Pemain DVD

Gunakan kabel HDMI untuk menyambungkan pemain DVD ke TV.



Jika pemain DVD disambungkan dengan HDMI dan mempunyai EasyLink CEC, anda boleh mengendalikan pemain dengan alat kawalan jauh TV.

6.12

Bluetooth - Pembesar suara dan Pad permainan

Apa Yang Anda Perlukan

Anda boleh menyambungkan peranti wayarles dengan Bluetooth® ke TV ini – pembesar suara wayarles, subwufer, bar bunyi atau fon kepala. Anda juga boleh menyambungkan pad permainan wayarles dengan Bluetooth LE.

Untuk memainkan bunyi TV pada pembesar suara wayarles, anda mesti memasangkan pembesar suara wayarles dengan TV. Anda boleh membuat pasangan beberapa pembesar suara wayarles dan maksimum 4 peranti Bluetooth LE (tenaga rendah). TV hanya boleh memainkan bunyi pada satu pembesar suara pada satu-satu masa. Jika anda menyambungkan subwufer, bunyi dimainkan pada TV dan subwufer. Jika anda menyambungkan bar bunyi, bunyi dimainkan pada bar bunyi sahaja.

Perhatian - Penyegerakan Audio ke Video

Banyak sistem pembesar suara Bluetooth mempunyai 'kependaman' yang tinggi. Kependaman tinggi bermakna jeda audio di belakang video, menyebabkan 'segerak bibir' dinyahsegerakkan. Sebelum anda membeli sistem pembesar suara Bluetooth wayarles, pastikan anda mengetahui tentang model terbaharu dan cari peranti dengan penilaian kependaman rendah. Minta nasihat daripada penjual anda.

Menjadikan Peranti Berpasangan

Tempatkan pembesar suara wayarles dalam jarak 5 meter dari TV. Baca manual pengguna peranti untuk maklumat khusus tentang berpasangan dan julat wayarles. Pastikan tetapan Bluetooth pada TV dihidupkan.

Sebaik sahaja pad permainan wayarles dipasangkan, anda boleh menggunakannya. Apabila pembesar suara wayarles dipasangkan, anda boleh memilihnya untuk memainkan bunyi TV. Apabila peranti dipasangkan, anda tidak perlu memasangkannya sekali lagi melainkan anda mengalih keluar peranti.

Untuk memasangkan pembesar suara wayarles dengan TV...

1 - Hidupkan pembesar suara wayarles dan letakkannya dalam julat TV.
2 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
3 - Pilih Wayarles dan Rangkaian dan tekan > (kanan) untuk memasuki menu.
4 - Pilih Bluetooth > Cari Peranti Bluetooth.
5 - Pilih Mulakan dan tekan OK. Ikuti arahan pada skrin. Anda akan memasangkan peranti dengan TV dan TV akan menyimpan sambungan. Anda mungkin perlu menyahpasang peranti berpasangan terlebih dahulu jika bilangan maksimum peranti berpasangan telah dicapai.
6 - Pilih jenis peranti (fon kepala, subwufer, ...).
7 - Tekan < (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Pilih Peranti

Sebaik sahaja pembesar suara Bluetooth wayarles dipasangkan, anda boleh memilihnya untuk memainkan bunyi TV.

Untuk memilih pembesar suara bagi memainkan bunyi TV...

1 - Tekan ⚙, pilih Pembesar suara dan tekan OK.
2 - Pilih sistem pembesar suara yang anda inginkan.
3 - Tekan < (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Keluarkan Peranti

Anda boleh menyambung atau memutuskan sambungan peranti Bluetooth wayarles. Apabila peranti Bluetooth disambungkan, anda boleh menggunakan pad permainan atau mendengar bunyi TV melalui pembesar suara wayarles. Anda juga boleh mengeluarkan peranti Bluetooth wayarles. Jika anda mengeluarkan peranti Bluetooth, peranti akan diceraikan.

Untuk mengalih keluar atau memutuskan sambungan

peranti wayarles...

1 - Tekan , pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Wayarles dan Rangkaian.
3 - Pilih Bluetooth > Keluarkan Peranti.
4 - Dalam senarai, pilih peranti wayarles anda.
5 - Pilih Putuskan Sambungan atau Alih Keluar.
6 - Pilih OK.
7 - Tekan (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Bluetooth Hidup atau Mati

Untuk menyambungkan peranti Bluetooth wayarles, pastikan Bluetooth dihidupkan.

Untuk menghidupkan Bluetooth...

1 - Tekan , pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Wayarles dan Rangkaian.
3 - Pilih Bluetooth > Bluetooth Hidup/Mati.
4 - Pilih Hidup atau Mati.
5 - Tekan (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

6.13

Fon Kepala

Anda boleh menyambungkan set fon kepala ke sambungan di bahagian belakang TV. Sambungan ialah bicu mini 3.5mm. Anda boleh melaraskan kelantangan fon kepala secara berasingan.

Untuk melaraskan kelantangan...

1 - Tekan , pilih Kelantangan Fon Kepala.
2 - Tekan anak panah (atas) atau (bawah) untuk melaraskan nilai.
3 - Tekan (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.



6.14

Konsol Permainan

HDMI

Sambungkan konsol permainan dengan kabel HDMI Berkelajuan tinggi ke TV untuk mendapatkan kualiti terbaik.



Y Pb Pr

Sambungkan konsol permainan dengan kabel video komponen (Y Pb Pr) dan kabel L/R audio ke TV.



Tetapan Terbaik

Sebelum anda mula bermain permainan daripada permainan daripada konsol permainan yang disambungkan, kami menasihatkan anda agar menetapkan TV dalam tetapan ideal Permainan.

Untuk menetapkan TV ke tetapan ideal...

1 - Tekan , pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Gambar dan tekan (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Gaya Gambar > Permainan.
4 - Tekan (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

6.15
Pad Permainan

Sambungkan Pad Permainan

Untuk bermain permainan daripada Internet pada TV ini, anda boleh menyambung julat Pad Permainan wayarles yang dipilih. Anda boleh menggunakan Pad Permainan dengan penerima nano USB atau pad permainan dengan Bluetooth.

Untuk menyambungkan Pad Permainan dengan penerima nano USB...

1 - Pasangkan penerima nano kecil dalam salah satu sambungan USB di bahagian sisi TV. Penerima nano wayarles didatangkan dengan Pad Permainan.
2 - Jika Pad Permainan dihidupkan, anda boleh menggunakan Pad Permainan.

Anda boleh menyambungkan Pad Permainan kedua dalam sambungan USB kedua di bahagian sisi TV.

Masalah

Untuk menyelesaikan kemungkinan gangguan dengan peranti wayarles lain pada TV...

• Gunakan kord sambungan USB dan alihkan penerima nano kira-kira 1 meter dari TV.
• Sebaliknya, anda boleh menggunakan hab USB dikuasakan yang disambungkan ke TV dan memasang penerima nano dalam hab USB.

6.16
Pemacu Keras USB

Apa Yang Anda Perlukan

Jika anda menyambungkan Pemacu Keras USB, anda boleh menjeda atau merakam siaran TV Digital (Siaran DVB atau serupa).

Ruang Cakera Minimum
• Untuk Menjeda
Untuk menjeda siaran, anda memerlukan Pemacu Keras USB 2.0 yang serasi dengan minimum 4GB ruang cakera.
• Untuk Merakam
Untuk menjeda dan merakam siaran, anda memerlukan minimum 250GB ruang cakera.

Pemasangan

Sebelum anda boleh menjeda atau merakam siaran, anda perlu menyambung dan memformatkan Pemacu Keras USB. Pemformatan mengalih keluar semua fail daripada Pemacu Keras USB.

1 - Sambungkan Pemacu Keras USB ke salah satu sambungan USB pada TV. Jangan sambungkan peranti USB lain ke port lain semasa memformat.
2 - Hidupkan Pemacu Keras USB dan TV.
3 - Apabila TV ditala ke saluran TV digital, tekan ⏸ (Jeda). Cubaan menjeda akan memulakan pemformatan.

Ikuti arahan pada skrin.

Apabila Pemacu Keras USB diformat, biarkannya menyambung secara kekal.



Amaran

Pemacu Keras USB diformatkan secara eksklusif untuk TV ini, anda tidak boleh menggunakan rakaman yang disimpan pada TV atau PC lain. Jangan menyalin atau mengubah fail rakaman pada Pemacu Keras USB dengan sebarang aplikasi PC. Ini akan merosakkan rakaman anda. Apabila anda formatkan Pemacu Keras USB lain, kandungan pada yang terdahulu akan hilang. Pemacu Keras USB yang dipasang pada TV anda akan perlu diformatkan semula untuk digunakan dengan komputer.

Pemformatan

Sebelum anda boleh menjeda atau merakam siaran atau menyimpan aplikasi, anda perlu menyambung dan memformatkan Pemacu Keras USB.
Pemformatan mengalih keluar semua fail daripada Pemacu Keras USB. Jika anda mahu merakam siaran dengan data Panduan TV daripada Internet, anda perlu menyediakan sambungan Internet dahulu sebelum anda memasang Pemacu Keras USB.

Amaran

Pemacu Keras USB diformatkan secara eksklusif untuk TV ini, anda tidak boleh menggunakan rakaman yang disimpan pada TV atau PC lain. Jangan menyalin atau mengubah fail rakaman pada Pemacu Keras USB dengan sebarang aplikasi PC. Ini akan merosakkan rakaman anda. Apabila anda formatkan

Pemacu Keras USB lain, kandungan pada yang terdahulu akan hilang. Pemacu Keras USB yang dipasang pada TV anda akan perlu diformatkan semula untuk digunakan dengan komputer.

Untuk memformatkan Pemacu Keras USB...

1 - Sambungkan Pemacu Keras USB ke salah satu sambungan USB pada TV. Jangan sambungkan peranti USB lain ke port lain semasa memformat.
2 - Hidupkan Pemacu Keras USB dan TV.
3 - Apabila TV ditala ke saluran TV digital, tekan ⏸ (Jeda). Cubaan menjeda akan memulakan pemformatan. Ikuti arahan pada skrin.
4 - TV akan bertanya jika anda mahu menggunakan Pemacu Keras USB untuk menyimpan aplikasi, bersetuju dengan soalan tersebut jika anda mahu.
5 - Apabila Pemacu Keras USB diformat, biarkannya menyambung secara kekal.



6.17

Papan Kekunci USB

Sambung

Sambungkan papan kekunci USB (jenis USB-HID) untuk memasukkan teks pada TV anda.

Guna salah satu sambungan USB untuk bersambung.



Konfigurasi

Pasang papan kekunci

Untuk memasang papan kekunci USB, hidupkan TV dan sambungkan papan kekunci USB ke salah satu sambungan USB pada TV. Apabila TV mengesan papan kekunci buat kali pertama, anda boleh memilih tataletak papan kekunci dan menguji pemilihan anda. Jika anda memilih tataletak papan kekunci Cyrillic atau Greek dahulu, anda boleh memilih tataletak papan kekunci Latin sekunder.

Untuk menukar tetapan tataletak papan kekunci apabila tataletak dipilih...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Tetapan Umum dan tekan › (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Tetapan Papan Kekunci USB untuk memulakan persediaan papan kekunci.

Kekunci Istimewa

Kekunci untuk memasukkan teks
• Masukkan kekunci = OK
• Backspace = padam aksara sebelum kursor
• Kekunci anak panah = navigasi dalam medan teks
• Untuk menukar di antara tataletak papan kekunci, jika tataletak sekunder ditetapkan, tekan kekunci Ctrl + Spacebar secara serentak.

Kekunci untuk aplikasi dan halaman Internet
• Tab dan Shift + Tab = Seterusnya dan Sebelumnya
• Utama = tatal ke bahagian atas halaman
• End = tatal ke bahagian bawah halaman
• Halaman Atas = lompat satu halaman ke atas
• Halaman Bawah = lompat satu halaman ke bawah
• + = zum masuk satu langkah
• - = zum keluar satu langkah
• * = muatkan halaman web pada lebar skrin

6.18

Pemacu Kilat USB

Anda boleh melihat foto atau memainkan muzik dan video anda daripada pemacu kilat USB yang disambungkan.

Masukkan pemacu kilat USB dalam salah satu sambungan USB pada TV semasa TV dihidupkan.

TV mengesan pemacu kilat dan membuka senarai yang menunjukkan kandungannya.
Jika senarai kandungan tidak muncul secara automatik, tekan ⇥ SOURCES dan pilih USB.

Untuk berhenti menonton kandungan pemacu kilat USB, tekan TV EXIT atau pilih aktiviti lain.
Untuk menyahsambung pemacu kilat USB, anda boleh mencabut pemacu kilat pada bila-bila masa.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang cara menonton atau memainkan kandungan daripada

pemacu kilat USB, dalam Bantuan, pilih Kata Kunci dan cari Foto, Video dan Muzik.

6.19

Kamera Foto

Untuk melihat foto yang disimpan pada kamera foto digital anda, anda boleh menyambungkan kamera secara terus ke TV.

Guna salah satu sambungan USB pada TV untuk bersambung. Hidupkan kamera selepas anda membuat sambungan.

Jika senarai kandungan tidak muncul secara automatik, tekan SOURCES dan pilih USB. Kamera anda mungkin perlu ditetapkan untuk memindahkan kandungannya dengan PTP (Protokol Pemindahan Gambar). Baca manual pengguna kamera foto digital.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang cara melihat foto, dalam Bantuan, pilih Kata Kunci dan cari Foto, Video dan Muzik.

6.20

Kamkorder

HDMI

Untuk kualiti terbaik, gunakan kabel HDMI untuk menyambungkan kamkorder ke TV.



Audio Video LR / Scart

Anda boleh menggunakan sambungan HDMI, YPbPr atau SCART untuk menyambung kamkorder anda. Jika kamkorder anda hanya mempunyai output Video (CVBS) dan Audio L/R, gunakan Video Audio L/R ke penyesuai SCART (dijual berasingan) untuk menyambung ke sambungan SCART.



6.21

Komputer

Sambung

Anda boleh menyambung komputer anda ke TV dan menggunakan TV sebagai monitor PC.

Dengan HDMI

Gunakan kabel HDMI untuk menyambungkan komputer ke TV.



Dengan DVI ke HDMI

Sebaliknya, anda boleh menggunakan DVI ke penyesuai HDMI (dijual berasingan) untuk menyambungkan PC ke HDMI dan kabel L/R audio (bicu mini 3.5mm) ke AUDIO DALAM L/R di bahagian belakang TV.



Tetapan Ideal

Jika anda menyambungkan komputer, kami menasihatkan anda agar memberikan sambungan tersebut nama jenis peranti yang betul dalam menu Sumber bagi komputer yang disambungkan. Jika anda kemudiannya menukar kepada Komputer dalam menu Sumber, TV ditetapkan kepada tetapan Komputer ideal secara automatik.

Untuk menetapkan TV ke tetapan ideal...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Gambar dan tekan > (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Lanjutan > Komputer.
4 - Pilih Hidup atau Mati.
5 - Tekan < (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

7

Sambungkan Android TV anda

7.1

Rangkaian dan Internet

Rangkaian Rumah

Untuk menikmati keupayaan penuh Android TV Philips anda, TV anda perlu disambungkan ke Internet.

Sambungkan TV ke rangkaian rumah dengan sambungan Internet berkelajuan tinggi. Anda boleh sambungkan TV anda secara wayarles atau berwayar kepada penghala rangkaian anda.

Sambung kepada Rangkaian

Sambungan Wayarles

Apa Yang Anda Perlukan

Untuk menyambungkan TV ke Internet secara wayarles, anda memerlukan penghala Wi-Fi dengan sambungan ke Internet.

Gunakan sambungan (jalur lebar) kelajuan tinggi ke Internet.

Buat Sambungan

Wayarles

Untuk membuat sambungan wayarles...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Wayarles dan Rangkaian dan tekan › (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Berwayar atau Wi-Fi > Sambung kepada Rangkaian.
4 - Pilih Wayarles.
5 - Dalam senarai rangkaian yang ditemui, pilih pada rangkaian wayarles anda. Jika rangkaian anda tiada dalam senarai kerana nama rangkaian disembunyikan (anda mematikan siaran SSID penghala), pilih Tambah Rangkaian Baharu untuk memasukkan sendiri nama rangkaian.
6 - Bergantung kepada jenis penghala, masukkan kunci penyulitan anda - WEP, WPA atau WPA2. Jika anda memasukkan kunci penyulitan untuk rangkaian ini sebelum ini, anda boleh memilih OK untuk membuat sambungan serta-merta.
7 - Mesej akan ditunjukkan apabila sambungan berjaya.

Wi-Fi, Hidup/Mati

Pastikan Wi-Fi dihidupkan sebelum anda cuba membuat sambungan...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Wayarles dan Rangkaian dan tekan › (kanan).
3 - Pilih Berwayar atau Wi-Fi > Wi-Fi Hidup/Mati.
4 - Jika dimatikan, pilih Hidup dan tekan OK.

WPS

Jika penghala anda mempunyai WPS, anda boleh menyambung secara terus ke penghala tanpa mengimbas rangkaian. Jika anda mempunyai peranti dalam rangkaian wayarles anda yang menggunakan sistem penyulitan keselamatan WEP, anda tidak boleh menggunakan WPS.

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Wayarles dan Rangkaian dan tekan › (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Berwayar atau Wi-Fi > Sambung kepada Rangkaian.
4 - Pilih WPS.
5 - Pergi ke penghala, tekan butang WPS dan kembali ke TV dalam masa 2 minit.
6 - Pilih Sambung untuk membuat sambungan.
7 - Mesej akan ditunjukkan apabila sambungan berjaya.

WPS dengan Kod PIN

Jika penghala anda mempunyai WPS dengan kod PIN, anda boleh menyambung secara terus ke penghala tanpa mengimbas rangkaian. Jika anda mempunyai peranti dalam rangkaian wayarles anda yang menggunakan sistem penyulitan keselamatan WEP, anda tidak boleh menggunakan WPS.

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Wayarles dan Rangkaian dan tekan › (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Berwayar atau Wi-Fi > Sambung kepada Rangkaian.
4 - Pilih WPS dengan kod PIN.
5 - Tuliskan kod PIN 8 digit yang ditunjukkan pada skrin dan masukkannya dalam perisian penghala

pada PC anda. Rujuk manual penghala bagi mendapatkan tempat memasukkan kod PIN dalam perisian penghala.
6 - Pilih Sambung untuk membuat sambungan.
7 - Mesej akan ditunjukkan apabila sambungan berjaya.

Masalah

Rangkaian wayarles tidak ditemui atau herot
• Ketuhar gelombang mikro, telefon DECT atau peranti Wi-Fi 802.11b/g/n lain yang berdekatan dengan anda mungkin akan mengganggu rangkaian wayarles tersebut.
• Pastikan bahawa tembok api dalam rangkaian anda membenarkan akses kepada sambungan wayarles TV.
• Jika rangkaian wayarles tidak berfungsi dengan betul di rumah anda, cuba gunakan pemasangan rangkaian berwayar.

Internet tidak berfungsi
• Jika sambungan kepada penghala OK, periksa sambungan penghala kepada Internet pula.

Sambungan PC dan Internet adalah lemah
• Rujuk manual pengguna penghala wayarles anda untuk mendapatkan maklumat mengenai julat dalam bangunan, kadar pemindahan dan faktor kualiti isyarat yang lain.
• Gunakan sambungan Internet kelajuan tinggi (jalur lebar) untuk penghala anda.

DHCP
• Jika sambungan gagal, cuba semak tetapan DHCP (Protokol Konfigurasi Hos Dinamik) pada penghala. DHCP perlu dihidupkan.

Sambungan Berwayar

Apa Yang Anda Perlukan

Untuk menyambungkan TV ke Internet, anda memerlukan penghala rangkaian dengan sambungan ke Internet. Gunakan sambungan (jalur lebar) kelajuan tinggi ke Internet.



Buat Sambungan

Untuk membuat sambungan berwayar...

1 - Sambungkan penghala ke TV dengan kabel rangkaian (Kabel ethernet**).
2 - Pastikan bahawa penghala dihidupkan.
3 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
4 - Pilih Wayarles dan Rangkaian dan tekan › (kanan) untuk memasuki menu.
5 - Pilih Berwayar atau Wi-Fi > Sambung kepada Rangkaian.
6 - Pilih Berwayar. TV mencari sambungan rangkaian secara kerap.
7 - Mesej akan ditunjukkan apabila sambungan berjaya.

Jika sambungan gagal, anda boleh menyemak tetapan DHCP penghala. DHCP perlu dihidupkan.

**Untuk mematuhi peraturan EMC, gunakan FTP Cat bertebat. Kabel Ethernet 5E.

Tetapan Rangkaian

Lihat Tetapan Rangkaian

Anda boleh melihat semua tetapan rangkaian semasa di sini. Alamat IP dan MAC, kekuatan isyarat, kelajuan, kaedah penyulitan dll.

Untuk melihat tetapan rangkaian semasa...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Wayarles dan Rangkaian dan tekan › (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Berwayar atau Wi-Fi > Lihat Tetapan Rangkaian.
4 - Tekan ‹ (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Konfigurasi Rangkaian

Jika anda ialah pengguna lanjutan dan mahu memasang rangkaian anda dengan pengalamatan IP Statik, tetapkan TV kepada IP Statik.

Untuk menetapkan TV kepada IP Statik...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Wayarles dan Rangkaian dan tekan › (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Berwayar atau Wi-Fi > Konfigurasi Rangkaian dan tekan OK.
4 - Pilih IP Statik dan tekan OK untuk mendayakan Konfigurasi IP Statik.
5 - Pilih Konfigurasi IP Statik dan konfigurasikan sambungan.
6 - Anda boleh menetapkan nombor untuk Alamat IP, Netmask, Get Laluan, DNS 1 atau DNS 2.
7 - Tekan ‹ (kiri) berulang kali jika perlu untuk

menutup menu.

Hidupkan dengan Wi-Fi (WoWLAN)

Anda boleh menghidupkan TV ini daripada telefon pintar atau tablet anda jika TV dalam keadaan Tunggu Sedia. Tetapan Hidupkan dengan Wi-Fi (WoWLAN) perlu dihidupkan.

Untuk menghidupkan WoWLAN...

1 - Tekan , pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Wayarles dan Rangkaian dan tekan > (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Berwayar atau Wi-Fi > Hidupkan dengan Wi-Fi (WoWLAN).
4 - Pilih Hidup.
5 - Tekan < (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Hidupkan sambungan Wi-Fi

Anda boleh menghidupkan atau mematikan sambungan Wi-Fi pada TV anda.

Untuk menghidupkan Wi-Fi...

1 - Tekan , pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Wayarles dan Rangkaian dan tekan > (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Berwayar atau Wi-Fi > Wi-Fi Hidup/Mati.
4 - Pilih Hidup.
5 - Tekan < (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Penghasil Media Digital - DMR

Jika fail media anda tidak dimainkan pada TV anda, pastikan bahawa Penghasil Media Digital dihidupkan. DMR dihidupkan sebagai tetapan kilang.

Untuk menghidupkan DMR...

1 - Tekan , pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Wayarles dan Rangkaian dan tekan > (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Berwayar atau Wi-Fi > Penghasil Media Digital - DMR.
4 - Pilih Hidup.
5 - Tekan < (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Skrin Pintar Wi-Fi

Untuk menonton saluran TV digital pada telefon pintar atau tablet anda dengan Philips TV Remote App, anda perlu menghidupkan Skrin Pintar Wi-Fi. Sesetengah saluran berbayar mungkin tidak tersedia pada peranti mudah alih anda.

Untuk menghidupkan Skrin Pintar Wi-Fi...

1 - Tekan , pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Wayarles dan Rangkaian dan tekan > (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Berwayar atau Wi-Fi > Skrin Pintar Wi-Fi.
4 - Pilih Hidup.
5 - Tekan < (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Nama Rangkaian TV

Jika anda mempunyai lebih daripada satu TV dalam rangkaian rumah anda, anda boleh memberi TV nama yang unik.

Untuk menukar nama TV...

1 - Tekan , pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Wayarles dan Rangkaian dan tekan > (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Berwayar atau Wi-Fi > Nama Rangkaian TV.
4 - Masukkan nama dengan papan kekunci alat kawalan jauh.
5 - Untuk menyelesaikannya, pilih .
6 - Tekan < (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Kosongkan Ingatan Internet

Dengan Kosongkan Ingatan Internet, anda mengosongkan pendaftaran pelayan Philips anda dan tetapan penilaian ibu bapa, log masuk aplikasi gedung video anda, semua kegemaran Galeri Aplikasi Philips, penanda buku dan sejarah Internet. Aplikasi MHEG interaktif juga boleh menyimpan kononnya 'kuki', pada TV anda. Fail ini juga akan dikosongkan.

Untuk mengosongkan ingatan Internet...

1 - Tekan , pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Wayarles dan Rangkaian dan tekan > (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Berwayar atau Wi-Fi > Kosongkan Ingatan Internet.
4 - Pilih OK untuk mengesahkan.
5 - Tekan < (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Perkongsian Fail

TV boleh menyambung ke peranti lain dalam rangkaian wayarles anda, seperti komputer atau telefon pintar anda. Anda boleh menggunakan komputer dengan Microsoft Windows atau Apple OS X.

Pada TV ini, anda boleh membuka foto, muzik dan video yang disimpan pada komputer anda. Gunakan

sebarang perisian pelayan media diperakui DLNA.

7.2

Akaun Google

Daftar masuk

Untuk menikmati keupayaan penuh Android TV Philips anda, anda boleh mendaftar masuk ke Google menggunakan Akaun Google anda.

Dengan mendaftar masuk, anda akan dapat bermain permainan kegemaran anda pada telefon, tablet dan TV. Anda juga akan mendapat cadangan video dan muzik disesuaikan pada skrin utama TV anda serta akses ke YouTube, Google Play dan aplikasi lain.

Daftar masuk

Gunakan Akaun Google sedia ada anda untuk mendaftar masuk ke Google pada TV anda. Akaun Google terdiri daripada alamat e-mel dan kata laluan. Jika anda masih tidak mempunyai Akaun Google, gunakan komputer atau tablet anda untuk mencipta akaun (accounts.google.com). Untuk bermain permainan dengan Google Play, anda memerlukan profil Google+. Jika anda tidak mendaftar masuk semasa pemasangan TV kali pertama, anda boleh mendaftar masuk kemudian.

Untuk mendaftar masuk selepas anda membuat pemasangan TV...

1 - Tekan , pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Tetapan Android dan tekan OK.
3 - Tekan (bawah) dan pilih Peribadi > Tambah akaun dan tekan OK.
4 - Tekan OK pada SIGN IN.
5 - Dengan papan kekunci alat kawalan jauh, masukkan alamat e-mel anda dan tekan kekunci OK kecil di bahagian kanan papan kekunci.
6 - Masukkan kata laluan dan tekan kekunci OK kecil yang sama untuk mendaftar masuk.
7 - Tekan (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Jika anda mahu mendaftar masuk dengan Akaun Google lain, daftar keluar dahulu dan kemudian daftar masuk menggunakan akaun satu lagi.

Tetapan Android

Anda boleh menetapkan atau melihat beberapa tetapan atau maklumat khusus Android. Anda boleh menemui senarai aplikasi yang dipasang pada TV anda dan ruang storan yang diperlukan. Anda boleh menetapkan bahasa yang anda mahu gunakan dengan Carian Suara. Anda boleh mengkonfigurasi papan kekunci pada skrin atau membenarkan aplikasi menggunakan lokasi anda. Terokai tetapan Android yang lain. Anda boleh pergi ke www.support.google.com/androidtv untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang tetapan ini.

Untuk membuka tetapan ini...

1 - Tekan , pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Tetapan Android.
3 - Terokai tetapan Android yang lain.
4 - Tekan BACK jika perlu untuk menutup menu.

7.3

Galeri Aplikasi Philips

Aplikasi Philips

Sambungkan TV ke Internet untuk menikmati aplikasi yang dipilih oleh Philips. Aplikasi Galeri Aplikasi Philips dibuat khas untuk TV. Memuat turun dan memasang aplikasi Galeri Aplikasi adalah percuma.

Koleksi aplikasi Galeri Aplikasi Philips boleh berbeza-beza mengikut negara atau wilayah.

Sesetengah aplikasi Galeri Aplikasi diprapasang pada TV anda. Untuk memasang aplikasi lain daripada Galeri Aplikasi, anda akan diminta untuk bersetuju dengan Syarat Penggunaan. Anda boleh menetapkan Tetapan Privasi mengikut keutamaan anda.

Untuk memasang aplikasi daripada Galeri Aplikasi...

1 - Tekan HOME.
2 - Tatal ke bawah dan pilih Koleksi Philips > Galeri Aplikasi dan tekan OK.
3 - Pilih ikon aplikasi dan tekan OK.
4 - Pilih Pasang dan tekan OK.

Terma Penggunaan

Untuk memasang dan menggunakan aplikasi Galeri Aplikasi Philips, anda perlu bersetuju dengan Syarat Penggunaan. Jika anda tidak bersetuju dengan syarat ini semasa pemasangan TV kali pertama, anda boleh bersetuju dengannya kemudian. Sebaik sahaja anda bersetuju dengan Syarat Penggunaan, sesetengah aplikasi akan tersedia serta-merta dan anda boleh melayari Galeri Aplikasi Philips untuk memasang aplikasi lain.

Untuk bersetuju dengan Syarat Penggunaan selepas anda membuat pemasangan TV...

1 - Tekan HOME dan pilih Koleksi Philips > Galeri Aplikasi dan tekan OK untuk membuka Galeri Aplikasi.
2 - Anda boleh memilih Syarat Penggunaan, kemudian tekan OK untuk membaca.
3 - Pilih Terima dan tekan OK. Anda tidak boleh membuat asal kelulusan ini.

4 - Tekan ← BACK untuk menutup menu.

Tetapan Privasi

Anda boleh menetapkan beberapa tetapan privasi untuk aplikasi Galeri Aplikasi Philips.

• Anda boleh membenarkan statistik teknikal dihantar kepada Philips.
• Anda boleh membenarkan cadangan peribadi.
• Anda boleh membenarkan kuki.
• Anda boleh menghidupkan Kunci Kanak-kanak untuk aplikasi yang dinilaikan 18+.

Untuk menetapkan tetapan privasi Galeri Aplikasi Philips...

1 - Tekan ⌂ HOME dan pilih Koleksi Philips > Galeri Aplikasi dan tekan OK untuk membuka Galeri Aplikasi.
2 - Anda boleh memilih Dasar Privasi, kemudian tekan OK.
3 - Pilih setiap tetapan dan tekan OK untuk membenarkan atau tidak membenarkan. Anda boleh membaca tentang setiap tetapan secara terperinci.
4 - Tekan ← BACK untuk menutup menu.

7.4

Tetapan Android

Anda boleh menetapkan atau melihat beberapa tetapan atau maklumat khusus Android. Anda boleh menemui senarai aplikasi yang dipasang pada TV anda dan ruang storan yang diperlukan. Anda boleh menetapkan bahasa yang anda mahu gunakan dengan Carian Suara. Anda boleh mengkonfigurasi papan kekunci pada skrin atau membenarkan aplikasi menggunakan lokasi anda. Terokai tetapan Android yang lain. Anda boleh pergi ke www.support.google.com/androidtv untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang tetapan ini.

Untuk membuka tetapan ini...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Tetapan Android.
3 - Terokai tetapan Android yang lain.
4 - Tekan ← BACK jika perlu untuk menutup menu.

7.5

Menu Utama

Tentang Menu Utama

Untuk benar-benar menikmati manfaat TV Android anda, sambungkan TV ke Internet.

Seperti pada telefon pintar atau tablet Android anda, menu Utama ialah pusat TV anda. Daripada Menu Utama anda boleh memulakan sebarang aplikasi, menukar saluran, menyewa filem, melayari laman web atau beralih kepada peranti lain yang disambungkan. Menu Utama mungkin mengandungi item yang berlainan bergantung pada pemasangan TV dan juga negara anda.

Menu Utama disusun dalam barisan...

Cadangan

Baris pertama mencadangkan video, video muzik serta hiburan Internet terkini. Anda boleh menetapkan tetapan Privasi dalam Syarat Penggunaan bagi membolehkan cadangan dibuat berdasarkan tabiat tontonan peribadi anda.

Koleksi Philips

Baris ini mengandungi cadangan daripada Aplikasi.

Aplikasi

Baris Aplikasi mengandungi semua Aplikasi asal TV ini serta semua Aplikasi yang anda muat turun daripada Google Play Store. Dalam baris ini anda juga dapat melihat Aplikasi TV seperti Tonton TV, Sumber, Media dan banyak lagi. Aplikasi paling terkini yang anda gunakan akan terpapar pada bahagian hadapan barisan ini.

Permainan

Anda boleh memulakan permainan pada TV anda dari sini. Permainan yang anda muat turun akan terpapar pada baris ini.

Tetapan

Anda boleh melihat semua pilihan tetapan dari sini. Walaubagaimanapun, untuk melihat semua tetapan, tekan ⚙ dan tekan Semua Tetapan. Anda juga boleh melihat Bantuan di sini.

Lihat juga www.support.google.com/androidtv

Buka Menu Utama

Untuk membuka menu Utama dan melihat item...

1 - Tekan ⌂ HOME.
2 - Pilih item dan tekan OK untuk memulakannya.
3 - Tekan ← BACK untuk menutup menu Utama tanpa memulakan sebarang aplikasi.

Cari dan Carian Suara

Anda boleh mencari video, muzik atau apa-apa sahaja pada Internet dengan ikon dalam menu Utama. Anda boleh menyebut atau menaip perkara yang anda cari.

Profil Disekat

Anda boleh menyekat penggunaan sesetengah aplikasi dengan menukar TV kepada profil disekat. Profil disekat ini hanya akan membenarkan penggunaan aplikasi yang anda telah pilih. Anda hanya boleh keluar daripada profil ini dengan kod PIN.

Dengan TV ditukar kepada profil disekat, anda tidak boleh...

• Mencari dan membuka aplikasi yang ditandakan sebagai Tidak dibenarkan
• Mengakses Gedung Google Play
• Membeli melalui Filem & TV Google Play atau Permainan Google Play
• Menggunakan aplikasi pihak ketiga yang tidak menggunakan daftar masuk Google

Dengan TV ditukar kepada profile disekat, anda boleh...

• Menonton kandungan yang telah disewa atau dibeli daripada Filem & TV Google Play
• Bermain permainan yang telah dibeli dan dipasang daripada Permainan Google Play
• Mengakses tetapan berikut: Rangkaian Wi-Fi, Pertuturan dan Kebolehcapaian
• Tambah aksesori Bluetooth

Akaun Google pada TV akan kekal dilog masuk. Menggunakan profil disekat tidak mengubah Akaun Google.

8

Aplikasi

8.1

Mengenai Aplikasi

Anda boleh menemui semua aplikasi yang dipasang dalam bahagian Aplikasi menu Utama.

Seperti aplikasi pada telefon pintar atau tablet anda, aplikasi pada TV anda menawarkan fungsi tertentu untuk pengalaman TV yang unggul. Aplikasi seperti permainan YouTube, permainan, gedung video atau ramalan cuaca (a.o.). Anda boleh menggunakan aplikasi Internet untuk melayari Internet.

Aplikasi boleh datang daripada Galeri Aplikasi Philips atau Gedung Google Play™. Untuk bermula, beberapa aplikasi praktikal diprapasang pada TV anda.

Untuk memasang aplikasi daripada Galeri Aplikasi Philips atau Gedung Google Play, TV perlu disambungkan ke Internet. Anda perlu bersetuju dengan Syarat Penggunaan untuk menggunakan aplikasi daripada Galeri Aplikasi. Anda perlu mendaftar masuk dengan Akaun Google bagi menggunakan aplikasi Google Play dan Gedung Google Play.

8.2

Google Play

Filem dan TV

Dengan Filem & TV Google Play , anda boleh menyewa dan membeli filem dan rancangan TV untuk ditonton pada TV.

Apa Yang Anda Perlukan
• TV anda perlu disambungkan ke Internet
• anda perlu mendaftar masuk dengan Akaun Google anda pada TV
• tambah kad kredit ke Akaun Google anda untuk membeli filem dan rancangan TV

Untuk menyewa atau membeli filem atau rancangan TV…

1 - Tekan HOME.
2 - Tatal ke bawah dan pilih Aplikasi > Filem & TV Google Play dan tekan OK.
3 - Pilih filem atau rancangan TV dan tekan OK.
4 - Pilih pembelian yang anda mahu dan tekan OK. Anda akan dibawa melalui prosedur pembelian.

Untuk menonton filem atau rancangan TV yang disewa atau dibeli…

1 - Tekan HOME.
2 - Tatal ke bawah dan pilih Aplikasi > Filem & TV Google Play dan tekan OK.
3 - Pilih filem atau rancangan TV daripada pustaka anda dalam aplikasi, pilih tajuk dan tekan OK.
4 - Anda boleh menggunakan kekunci ■ (berhenti), ❚❚ (jeda), ◀◀ (mandir) atau ▶▶ (mara laju) pada alat kawalan jauh.
5 - Untuk menghentikan aplikasi Filem & TV, tekan ← BACK berulang kali atau tekan TV EXIT.

Beberapa produk dan ciri Google Play tidak tersedia di semua negara.

Cari maklumat lanjut di support.google.com/androidtv

Muzik

Dengan Muzik Google Play, anda boleh memainkan muzik kegemaran anda pada TV.

Dengan Muzik Google Play, anda boleh membeli muzik baharu pada komputer atau peranti mudah alih anda. Atau, pada TV anda, anda boleh mendaftar untuk Semua Akses, langganan Muzik Google Play. Selain daripada itu, anda boleh memainkan muzik yang anda miliki, disimpan pada komputer anda.

Apa Yang Anda Perlukan
• TV anda perlu disambungkan ke Internet
• anda perlu mendaftar masuk dengan Akaun Google anda pada TV
• tambah kad kredit ke Akaun Google anda untuk melanggan muzik

Untuk memulakan Muzik Google Play…

1 - Tekan HOME.
2 - Tatal ke bawah dan pilih Aplikasi > Muzik Google Play dan tekan OK.
3 - Pilih muzik yang anda mahu dan tekan OK.
4 - Untuk menghentikan aplikasi Muzik, tekan ← BACK berulang kali atau tekan TV EXIT.

Beberapa produk dan ciri Google Play tidak tersedia di semua negara.

Cari maklumat lanjut di support.google.com/androidtv

Permainan

Dengan Permainan Google Play, anda boleh memainkan permainan pada TV. Dalam talian atau luar talian.

Anda boleh melihat permainan yang rakan anda sedang main atau anda boleh menyertai permainan dan bersaing. Anda boleh menjejaki pencapaian anda atau memulakan di tempat anda berhenti.

Apa Yang Anda Perlukan

• TV anda perlu disambungkan ke Internet
• anda perlu mendaftar masuk dengan Akaun Google anda pada TV
• tambah kad kredit ke Akaun Google anda untuk membeli permainan baharu

Mulakan aplikasi Permainan Google Play untuk memilih dan memasang aplikasi permainan baharu pada TV anda. Sesetengah permainan adalah percuma. Mesej kelihatan jika permainan tertentu memerlukan pad permainan untuk bermain permainan.

Untuk memulakan atau menghentikan Permainan Google Play...

1 - Tekan HOME.
2 - Tatal ke bawah dan pilih Aplikasi > Permainan Google Play dan tekan OK.
3 - Pilih permainan untuk bermain atau pilih permainan baharu untuk dipasang dan tekan OK.
4 - Apabila selesai, tekan BACK berulang kali atau tekan EXIT atau hentikan aplikasi dengan butang keluar/berhenti yang tersendiri.

Permainan yang anda pasang akan kelihatan dalam baris Permainan dalam menu Utama juga

Beberapa produk dan ciri Google Play tidak tersedia di semua negara.

Cari maklumat lanjut di support.google.com/androidtv

Gedung Google Play

Anda boleh memuat turun dan memasang aplikasi baharu daripada Gedung Google Play. Sesetengah aplikasi adalah percuma.

Apa Yang Anda Perlukan
• TV anda perlu disambungkan ke Internet
• anda perlu mendaftar masuk dengan Akaun Google anda pada TV
• tambah kad kredit ke Akaun Google anda untuk membeli aplikasi

Untuk memasang aplikasi baharu...

1 - Tekan HOME.
2 - Tatal ke bawah dan pilih Aplikasi > Gedung Google Play dan tekan OK.
3 - Pilih aplikasi yang anda mahu pasang dan tekan OK.
4 - Untuk menutup Gedung Google Play, tekan BACK berulang kali atau tekan EXIT.

Kawalan ibu bapa

Dalam Gedung Google Play, anda boleh menyembunyikan aplikasi mengikut kematangan pengguna/pembeli. Anda perlu memasukkan kod PIN bagi memilih atau menukar tahap kematangan.

Untuk menetapkan kawalan ibu bapa...

1 - Tekan HOME.
2 - Tatal ke bawah dan pilih Aplikasi > Gedung Google Play dan tekan OK.
3 - Pilih Tetapan > Kawalan Ibu Bapa.
4 - Pilih tahap kematangan yang anda mahu.
5 - Masukkan kod PIN mengikut permintaan.
6 - Untuk menutup Gedung Google Play, tekan BACK berulang kali atau tekan EXIT.

Beberapa produk dan ciri Google Play tidak tersedia di semua negara.

Cari maklumat lanjut di support.google.com/androidtv

Pembayaran

Untuk membuat pembayaran bagi Google Play pada TV, anda perlu menambah bentuk pembayaran - kad kredit (luar dari Amerika Syarikat) - ke Akaun Google anda. Apabila anda membeli filem atau rancangan TV, anda akan dicaj pada kad kredit ini.

Untuk menambah kad kredit ...

1 - Pada komputer anda, pergi ke accounts.google.com dan daftar masuk dengan Akaun Google yang anda akan gunakan dengan Google Play pada TV.
2 - Pergi ke wallet.google.com untuk menambah kad ke Akaun Google anda.
3 - Masukkan data kad kredit anda dan terima terma dan syarat.

8.3

Mulakan atau Hentikan Aplikasi

Anda boleh memulakan aplikasi daripada halaman Utama.

Untuk memulakan aplikasi...

1 - Tekan HOME.
2 - Tatal ke bawah ke Aplikasi dan pilih aplikasi yang anda mahu dan tekan OK.
3 - Untuk menghentikan aplikasi, tekan BACK atau tekan EXIT atau hentikan aplikasi dengan butang keluar/berhenti yang tersendiri.

8.4

Kunci Aplikasi

Perihal Kunci Aplikasi

Anda boleh mengunci aplikasi yang tidak sesuai untuk kanak-kanak. Anda boleh mengunci aplikasi yang dinilaikan 18+ daripada Galeri Aplikasi atau menyediakan profil disekat dalam menu Utama.

18+

Kunci aplikasi 18+ akan meminta kod PIN apabila anda cuba untuk memulakan aplikasi yang dinilaikan 18+. Kunci ini hanya sah untuk aplikasi yang dinilaikan 18+ daripada Galeri Aplikasi Philips.

Profil disekat

Anda boleh menyediakan profil disekat untuk menu Utama apabila hanya aplikasi yang anda benarkan tersedia. Anda perlu memasukkan kod PIN untuk menyediakan dan menghidupkan profil disekat.

Gedung Google Play - Kematangan

Dalam Gedung Google Play, anda boleh menyembunyikan aplikasi mengikut kematangan pengguna/pembeli. Anda perlu memasukkan kod PIN bagi memilih atau menukar tahap kematangan. Tahap kematangan akan menentukan aplikasi yang tersedia untuk pemasangan.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, dalam Bantuan, pilih Kata Kunci dan cari Gedung Google Play untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Kuncikan aplikasi yang dinilaikan 18+

Anda boleh mengunci aplikasi yang dinilaikan 18+ daripada Galeri Aplikasi Philips. Tetapan ini mengawal tetapan 18+ dalam Tetapan Privasi Galeri Aplikasi Philips.

Untuk mengunci aplikasi yang dinilaikan 18+...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Kunci Kanak-kanak, pilih Kunci Aplikasi.
3 - Pilih Hidup.
4 - Tekan ‹ (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Profil Disekat

Perihal Profil Disekat

Anda boleh menyekat penggunaan sesetengah aplikasi dengan menukar TV kepada profil disekat. Menu Utama hanya akan menunjukkan aplikasi yang anda benarkan. Anda memerlukan kod PIN untuk keluar dari profil yang disekat.

Dengan TV ditukar kepada profil disekat, anda tidak boleh...

• Mencari dan membuka aplikasi yang ditandakan sebagai Tidak dibenarkan
• Mengakses Gedung Google Play
• Membeli melalui Filem & TV Google Play atau Permainan Google Play
• Menggunakan aplikasi pihak ketiga yang tidak menggunakan daftar masuk Google

Dengan TV ditukar kepada profile disekat, anda boleh...

• Menonton kandungan yang telah disewa atau dibeli daripada Filem & TV Google Play
• Bermain permainan yang telah dibeli dan dipasang daripada Permainan Google Play
• Mengakses tetapan berikut: Rangkaian Wi-Fi, Pertuturan dan Kebolehcapaian
• Tambah aksesori Bluetooth

Akaun Google pada TV akan kekal dilog masuk. Menggunakan profil disekat tidak mengubah Akaun Google.

Sediakan

Untuk menyediakan profil disekat...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Tetapan Android dan tekan OK.
3 - Tekan ⌄ (bawah) dan tekan Peribadi > Keselamatan & sekatan dan tekan OK.
4 - Pilih Profil Disekat dan tekan OK.
5 - Pilih Tetapan dan tekan OK.
6 - Masukkan kod PIN dengan alat kawalan jauh.
7 - Pilih Aplikasi dibenarkan dan tekan OK.
8 - Dalam senarai aplikasi yang tersedia, pilih aplikasi dan tekan OK untuk membenarkan atau menghalang aplikasi ini.
9 - Tekan ← BACK untuk kembali satu langkah atau tekan TV EXIT untuk menutup menu.

Sekarang anda boleh memasuki profil yang disekat.

Dengan kod PIN, anda sentiasa boleh menukar kod PIN atau mengedit senarai aplikasi yang dibenarkan atau tidak dibenarkan.

Masuk

Untuk memasuki (beralih ke) profil yang disekat...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Tetapan Android dan tekan OK.
3 - Tekan ⌄ (bawah) dan tekan Peribadi > Keselamatan & sekatan dan tekan OK.
4 - Pilih Memasuki profil disekat dan tekan OK.
5 - Masukkan kod PIN dengan alat kawalan jauh.
6 - Tekan ← BACK untuk kembali satu langkah atau tekan TV EXIT untuk menutup menu.

Anda boleh melihat apabila profil disekat dimasukkan jika ikon muncul dalam skrin Utama. Tatal ke bawah ke Tetapan dan tatal ke hujung kanan.

Keluar

Untuk keluar dari profil yang disekat...

1 - Tekan HOME, tatal ke bawah kepada Tetapan dan tatal ke hujung sebelah kanan.
2 - Pilih Profil Disekat dan tekan OK.
3 - Pilih Keluar dari profil disekat dan tekan OK.
4 - Masukkan kod PIN. TV akan keluar dari profil yang disekat.

8.5

Uruskan Aplikasi

Jika anda menghentikan aplikasi dan kembali ke menu Utama, aplikasi tidak berhenti sepenuhnya. Aplikasi masih berjalan dalam latar belakang agar tersedia apabila anda memulakannya semula. Untuk berjalan dengan lancar, kebanyakan aplikasi perlu menyimpan beberapa data dalam memori cache TV. Mungkin baik untuk menghentikan aplikasi sepenuhnya atau mengosongkan data cache aplikasi tertentu untuk mengoptimumkan prestasi keseluruhan aplikasi dan untuk memastikan penggunaan memori rendah pada Android TV anda. Malah, adalah lebih baik untuk menyahpasang aplikasi yang anda tidak lagi gunakan.

Untuk membuka senarai aplikasi yang dimuat turun dan aplikasi sistem...

1 - Tekan , pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Tetapan Android dan tekan OK.
3 - Pilih Peranti > Aplikasi dan tekan OK.
4 - Pilih aplikasi dan tekan OK. Jika aplikasi masih berjalan, adna boleh memaksanya untuk berhenti atau anda boleh mengosongkan data cache. Anda boleh menyahpasang aplikasi yang anda muat turun.
5 - Tekan BACK untuk kembali satu langkah atau tekan EXIT untuk menutup menu.

Jika anda menggunakan Pemacu Keras USB untuk menyimpan aplikasi, anda boleh mengalihkan aplikasi daripada Pemacu Keras USB ke memori TV atau sebaliknya.

8.6

Storan

Anda boleh melihat ruang storan - memori TV dalaman - yang anda gunakan untuk aplikasi anda, video, muzik dll. Anda boleh melihat jumlah ruang kosong yang anda masih ada untuk memasang aplikasi baharu. Periksa storan anda jika aplikasi berjalan perlahan atau sekiranya berlaku masalah aplikasi.

Untuk melihat jumlah storan yang anda guna...

1 - Tekan , pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Tetapan Android dan tekan OK.
3 - Pilih Peranti > Storan & tetapkan semula dan tekan OK.
4 - Lihat penggunaan storan memori TV.
5 - Tekan BACK untuk kembali satu langkah atau tekan EXIT untuk menutup menu.

Pemacu Keras USB

Jika anda menyambungkan Pemacu Keras USB, anda boleh menggunakan pemacu untuk menambah memori TV bagi menyimpan lebih banyak aplikasi. TV akan cuba menyimpan aplikasi baharu pada Pemacu Keras USB dahulu. Sesetengah aplikasi tidak membenarkan untuk disimpan pada Pemacu Keras USB.

Kosongkan ruang storan

Apabila TV memaparkan mesej "Ruang storan rendah...", sila pergi ke HOME > Tetapan > Uruskan Aplikasi untuk mengosongkan ruang storan dengan mengalih keluar beberapa aplikasi atau menyimpan aplikasi pada storan luaran.

9

Internet

9.1

Mulakan Internet

Anda boleh melayari Internet pada TV anda. Anda boleh melihat mana-mana laman web Internet tetapi kebanyakannya tidak disediakan untuk skrin TV.

• Sesetengah pasang masuk (cth. untuk melihat halaman atau video) tidak tersedia pada TV anda.
• Anda tidak boleh menghantar atau memuat turun fail.
• Halaman Internet ditunjukkan satu halaman pada satu-satu masa dan dalam skrin penuh.

Untuk memulakan pelayar Internet...

1 - Tekan ⌂ HOME.
2 - Tatal ke bawah dan pilih Aplikasi > 🌐 Internet dan tekan OK.
3 - Masukkan alamat Internet dan pilih ✓, tekan OK.
4 - Untuk menutup Internet, tekan ⌂ HOME atau TV EXIT.

9.2

Pilihan pada Internet

Sesetengah tambahan tersedia untuk Internet.

Untuk membuka tambahan...

1 - Dengan laman web dibuka, tekan + OPTIONS.
2 - Pilih salah satu item dan tekan OK.
3 - Tekan ‹ (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Masukkan Alamat

Untuk memasukkan alamat Internet baharu.

Tunjuk Kegemaran

Untuk melihat halaman yang anda tandakan sebagai kegemaran.

Muat Semula Halaman

Untuk memuatkan halaman Internet sekali lagi.

Zum Halaman

Gunakan bar gelongsor untuk menetapkan peratusan zum.

Maklumat Keselamatan

Untuk melihat tahap keselamatan halaman semasa.

Tandakan sebagai Kegemaran

Untuk menandakan halaman semasa sebagai kegemaran.

Sari Kata

Untuk memilih sari kata jika tersedia.

10

Menu TV

10.1

Perihal Menu TV

Jika TV tidak boleh disambungkan dengan Internet, anda boleh menggunakan Menu TV sebagai menu Utama anda.

Dalam Menu TV, anda akan menemui semua fungsi TV.

10.2

Buka Menu TV

Untuk membuka Menu TV dan membuka item...

1 - Tekan untuk membuka Menu TV.
2 - Pilih item dan tekan OK untuk memulakannya.
3 - Tekan ← BACK untuk menutup Menu TV tanpa memulakan sebarang aplikasi.

11

Sumber

11.1

Beralih kepada peranti

Daripada senarai Sumber, anda boleh beralih ke mana-mana peranti yang disambungkan. Anda boleh bertukar kepada penala untuk menonton TV, membuka kandungan Pemacu Keras USB yang disambungkan atau melihat rakaman yang anda buat pada Pemacu Keras USB yang disambungkan. Anda boleh bertukar kepada peranti disambungkan anda untuk menonton programnya, penerima digital atau pemain Cakera Blu-ray.

Untuk beralih ke peranti disambungkan...

1 - Tekan SOURCES untuk membuka menu Sumber.
2 - Pilih salah satu item dalam senarai sumber dan tekan OK. TV akan menunjukkan program atau kandungan peranti.
3 - Tekan SOURCES sekali lagi untuk menutup menu.

Main Satu Sentuhan

Dengan TV dalam keadaan tunggu sedia, anda boleh menghidupkan pemain cakera dengan alat kawalah jauh TV anda.
Untuk menghidupkan kedua-dua pemain cakera dan TV daripada keadaan tunggu sedia dan mula memainkan cakera serta-merta, tekan ▶ (main) pada alat kawalan jauh TV. Peranti perlu disambungkan dengan kabel HDMI dan HDMI CEC bagi kedua-dua TV dan peranti perlu dihidupkan.

11.2

Pilihan untuk Input TV

Beberapa peranti input TV menawarkan tetapan khusus.

Untuk menetapkan pilihan untuk input TV khusus...

1 - Tekan SOURCES .
2 - Pilih input TV dalam senarai dan tekan OK.
3 - Tekan + OPTIONS. Anda boleh menetapkan pilihan untuk input TV yang dipilih di sini.
4 - Tekan + OPTIONS sekali lagi untuk menutup menu Pilihan.

Pilihan berkemungkinan...

Kawalan

Dengan pilihan ini, anda boleh mengendalikan peranti yang disambungkan dengan alat kawalan jauh TV. Peranti perlu disambungkan dengan kabel HDMI dan HDMI CEC bagi kedua-dua TV dan peranti perlu dihidupkan.

Maklumat Peranti

Buka pilihan ini untuk melihat maklumat pada peranti yang disambungkan.

11.3

Nama dan Jenis Peranti

Apabila anda menyambungkan peranti baharu kepada TV dan TV mengesan peranti tersebut, anda boleh menetapkan ikon yang sepadan dengan jenis peranti. Jika anda menyambungkan peranti dengan kabel HDMI dan HDMI CEC, TV mengesan peranti secara automatik dan peranti akan mendapatkan ikon yang sesuai.

Jenis peranti menentukan gaya gambar dan bunyi, nilai resolusi, tetapan tertentu atau kedudukan di dalam menu Sumber. Anda tidak perlu risau tentang tetapan yang sesuai.

Namakan Semula atau Tukar Jenis

Anda sentiasa boleh menukar nama atau menukar jenis peranti yang disambungkan. Cari ikon + di sebelah kanan nama peranti dalam menu Sumber. Sesetengah sumber input TV tidak membenarkan penukaran nama.

Untuk menukar jenis peranti...

1 - Pilih peranti dalam menu Sumber.
2 - Tekan + OPTIONS.
3 - Tekan ← BACK untuk menyembunyikan papan kekunci pada skrin.
4 - Tekan ⌄ (bawah) untuk mencari semua jenis peranti yang tersedia. Pilih jenis yang anda mahu dan tekan OK.

5 - Jika anda mahu menetapkan semula jenis peranti kepada jenis penyambung asal, pilih Tetapkan Semula dan tekan OK.
6 - Pilih Tutup dan tekan OK untuk menutup menu ini.

Untuk menukar nama peranti...

1 - Pilih peranti dalam menu Sumber.
2 - Tekan + OPTIONS.
3 - Tekan ← BACK untuk menyembunyikan papan kekunci pada skrin.
4 - Gunakan papan kekunci di bahagian belakang alat kawalan jauh untuk memadam nama semasa dan memasukkan nama baharu.
5 - Jika anda mahu menetapkan semula nama peranti kepada nama penyambung asal, pilih Tetapkan Semula dan tekan OK.
6 - Pilih Tutup dan tekan OK untuk menutup menu ini.

11.4

Komputer

Jika anda menyambungkan komputer, kami menasihatkan anda agar memberikan sambungan tersebut nama jenis peranti yang betul dalam menu Sumber bagi komputer yang disambungkan. Jika anda kemudiannya menukar kepada Komputer dalam menu Sumber, TV ditetapkan kepada tetapan Komputer ideal secara automatik.

Untuk menetapkan TV ke tetapan ideal...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Gambar dan tekan > (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Lanjutan > Komputer.
4 - Pilih Hidup atau Mati.
5 - Tekan < (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

12

Tetapan

12.1

Tetapan Lazim

Tetapan yang paling kerap digunakan dikumpulkan dalam menu Tetapan Lazim.

Untuk membuka menu...

1 - Tekan ⚙.
2 - Pilih saluran yang anda mahu laraskan dan tekan OK.
3 - Tekan ← BACK, jika anda tidak mahu menukar apa-apa.

12.2

Gambar

Gaya Gambar

Pilih Gaya

Untuk pelarasan gambar yang mudah, anda boleh memilih pratetap Gaya Gambar.

1 - Semasa menonton saluran TV, tekan ⚙.
2 - Pilih Gaya Gambar dan pilih salah satu gaya dalam senarai.
3 - Tekan ❮ (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Gaya yang tersedia ialah...

• Peribadi - Keutamaan gambar yang anda tetapkan semasa permulaan awal.
• Terang - Sesuai untuk tontonan waktu siang
• Semula Jadi - Tetapan gambar semula jadi
• Standard - Tetapan paling mementingkan tenaga - Tetapan Kilang
• Filem - Sesuai untuk menonton filem
• Foto - Sesuai untuk melihat foto
• Permainan - Sesuai untuk bermain permainan
• Siang ISF - Untuk Penentukuran ISF
• Malam ISF - Untuk Penentukuran ISF

Antara gaya untuk kandungan HDR...

• HDR Peribadi
• HDR Terang
• HDR Semula Jadi
• HDR Standard
• HDR Filem
• HDR Foto
• ISF Siang
• ISF Malam
• HDR Permainan

Sesuaikan Gaya

Mana-mana tetapan gambar yang anda laraskan, seperti Warna atau Kontras, disimpan dalam Gaya Gambar yang dipilih pada masa itu. Ini membolehkan anda menyesuaikan setiap gaya.
Hanya gaya Peribadi yang boleh menyimpan tetapan untuk setiap sumber dalam menu Sumber.

Pulihkan Gaya

Dengan Gaya Gambar dipilih, anda boleh melaraskan tetapan gambar dalam Semua Tetapan > Gambar...

Gaya yang dipilih akan menyimpan perubahan yang anda buat. Kami mengesyorkan untuk melaraskan tetapan gambar untuk gaya Peribadi sahaja. Gaya Gambar - Peribadi boleh menyimpan tetapan untuk setiap sumber dalam menu Sumber.

Untuk memulihkan gaya kepada tetapan asalnya...

1 - Semasa menonton saluran TV, tekan ⚙.
2 - Pilih Gaya Gambar dan pilih Gaya Gambar yang anda mahu pulihkan.
3 - Pilih Pulihkan Gaya dan tekan OK. Gaya dipulihkan.
4 - Tekan ❮ (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Rumah atau Kedai

Jika Gaya Gambar ditukar semula kepada Terang setiap kali anda menghidupkan TV, lokasi TV akan ditetapkan kepada Kedai. Tetapan yang bertujuan untuk promosi dalam kedai.

Untuk menetapkan TV untuk penggunaan Rumah...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Tetapan Umum dan tekan ❯ (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Lokasi > Rumah.
4 - Tekan ❮ (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Tetapan Gambar

Warna

Dengan Warna, anda boleh melaraskan penepuan warna gambar.

Untuk melaraskan warna...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Gambar dan tekan ❯ (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Warna dan tekan ❯ (kanan) .
4 - Tekan anak panah ^ (atas) atau ⌄ (bawah) untuk melaraskan nilai.

5 - Tekan ❮ (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Kontras

Dengan Kontras, anda boleh melaraskan kontras gambar.

Untuk melaraskan kontras...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Gambar dan tekan ❯ (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Kontras dan tekan ❯ (kanan).
4 - Tekan anak panah ^ (atas) atau v (bawah) untuk melaraskan nilai.
5 - Tekan ❮ (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Kejelasan

Dengan Kejelasan, anda boleh melaraskan tahap kejelasan dalam perincian halus gambar.

Untuk melaraskan kejelasan...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Gambar dan tekan ❯ (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Kejelasan dan tekan ❯ (kanan).
4 - Tekan anak panah ^ (atas) atau v (bawah) untuk melaraskan nilai.
5 - Tekan ❮ (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Kecerahan

Dengan Kecerahan, anda boleh menetapkan tahap kecerahan isyarat gambar.

Untuk melaraskan kejelasan...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Gambar dan tekan ❯ (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Kecerahan dan tekan ❯ (kanan).
4 - Tekan anak panah ^ (atas) atau v (bawah) untuk melaraskan nilai.
5 - Tekan ❮ (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Tetapan Gambar Lanjutan

Komputer

Jika anda menyambungkan komputer, kami menasihatkan anda agar memberikan sambungan tersebut nama jenis peranti yang betul dalam menu Sumber bagi komputer yang disambungkan. Jika anda kemudiannya menukar kepada Komputer dalam menu Sumber, TV ditetapkan kepada tetapan Komputer ideal secara automatik.

Untuk menetapkan TV ke tetapan ideal...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Gambar dan tekan ❯ (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Lanjutan > Komputer.
4 - Pilih Hidup atau Mati.
5 - Tekan ❮ (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Tetapan Warna

Peningkatan Warna

Dengan Peningkatan Warna, anda boleh meningkatkan keamatan warna dan perincian dalam warna cerah.

Untuk melaraskan paras...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Gambar dan tekan ❯ (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Lanjutan > Warna > Peningkatan Warna.
4 - Pilih Maksimum, Sederhana, Minimum atau Mati.
5 - Tekan ❮ (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Suhu Warna

Dengan Suhu Warna, anda boleh menetapkan gambar kepada suhu warna pratetap atau memilih Tersuai untuk menetapkan tetapan suhu anda sendiri dengan Suhu Warna Tersuai. Suhu Warna dan Suhu Warna Tersuai ialah tetapan untuk pengguna pakar.

Untuk memilih pratetap...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Gambar dan tekan ❯ (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Lanjutan > Warna > Suhu Warna.
4 - Pilih Normal, Hangat atau Dingin. Atau pilih Tersuai jika anda ingin menyesuaikan suhu warna anda sendiri.
5 - Tekan ❮ (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Suhu Warna Tersuai

Dengan Suhu Warna Tersuai, anda boleh menetapkan suhu warna anda sendiri. Untuk menetapkan suhu warna tersuai, pilih Tersuai terlebih dahulu dalam menu Suhu Warna. Suhu Warna Tersuai ialah tetapan untuk pengguna pakar.

Untuk menetapkan suhu warna...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Gambar dan tekan > (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Lanjutan > Warna > Suhu Warna Tersuai.
4 - Tekan anak panah ∧ (atas) atau ∨ (bawah) untuk melaraskan nilai. WP ialah titik putih dan BL ialah tahap kehitaman. Anda juga boleh memilih salah satu pratetap dalam menu ini.
5 - Tekan < (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Tetapan Kawalan Warna

Kawalan Warna ISF

Dengan Kawalan Warna ISF, pakar ISF boleh menentukur penghasilan semula warna TV. Kawalan Warna ialah tetapan pakar ISF.

Optimumkan paparan TV anda dengan Penentukuran ISF®. Minta pakar penentukuran ISF untuk datang ke rumah anda dan menetapkan TV kepada tetapan gambar yang paling optimum. Selain itu, pakar tersebut boleh menetapkan Penentukuran ISF untuk Ambilight. Minta Penentukuran ISF daripada penjual anda.

Manfaat penentukuran adalah...

- kejelasan dan ketajaman gambar yang lebih baik
- butiran di bahagian cerah dan gelap yang lebih baik
- hitam yang lebih pekat dan lebih gelap
- ketulenan dan kualiti warna yang lebih baik
- pengurangan penggunaan tenaga

Pakar Penentukuran ISF menyimpan dan mengunci tetapan ISF sebagai 2 gaya gambar.
Apabila Penentukuran ISF selesai, tekan ⚙ dan pilih Gaya Gambar dan pilih Siang ISF atau Malam ISF. Pilih Siang ISF untuk menonton TV semasa keadaan cahaya cerah atau pilih Malam ISF apabila gelap.

Hue

Untuk melaraskan nilai Hue...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Gambar dan tekan > (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Lanjutan > Warna > Kawalan Warna.
4 - Pilih Hue dan tekan > (kanan).
5 - Tekan anak panah ∧ (atas) atau ∨ (bawah) untuk melaraskan nilai.
6 - Tekan < (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Penepuan

Untuk melaraskan nilai Penepuan...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Gambar dan tekan > (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Lanjutan > Warna > Kawalan warna.
4 - Pilih Penepuan dan tekan > (kanan).
5 - Tekan anak panah ∧ (atas) atau ∨ (bawah) untuk melaraskan nilai.
6 - Tekan < (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Tetapkan Semula Semua

Dengan Tetapkan Semula Semua, anda boleh menetapkan semula semua nilai kepada lalai.

Untuk menetapkan semula semua nilai dalam menu Kawalan Warna...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Gambar dan tekan > (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Lanjutan > Warna > Kawalan Warna.
4 - Pilih Tetapkan Semula Semua.
5 - Tekan < (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Mod ISF RGB Sahaja

Mod RGB Sahaja adalah tetapan pakar ISF untuk beralih kepada warna RGB. Untuk melaraskan nilai dalam menu Mod RGB Sahaja, tetapkan Siang ISF atau Malam ISF terlebih dahulu dalam menu Gaya Gambar.

Untuk melaraskan nilai Mod RGB Sahaja...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Gambar dan tekan > (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Lanjutan > Warna > Mod RGB Sahaja.
4 - Pilih Merah, Hijau, Biru atau Mati untuk mematikan mod RGB.
5 - Tekan < (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Tetapan Kontras

Mod Kontras

Dengan Mod Kontras, anda boleh menetapkan tahap penggunaan kuasa yang boleh dikurangkan dengan memalapkan keamatan skrin. Pilih penggunaan kuasa terbaik atau gambar dengan keamatan terbaik.

Untuk melaraskan paras...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Gambar dan tekan > (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Lanjutan > Kontras > Mod Kontras.
4 - Pilih Standard, Kuasa Terbaik, Gambar Terbaik, atau Mati.
5 - Tekan < (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Kontras Dinamik

Dengan Kontras Dinamik, anda boleh menetapkan tahap TV meningkatkan perincian secara automatik di dalam kawasan gelap, sederhana dan terang pada gambar.

Untuk melaraskan paras...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Gambar dan tekan > (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Lanjutan > Kontras > Kontras Dinamik.
4 - Pilih Maksimum, Sederhana, Minimum atau Mati.
5 - Tekan < (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Kontras Video

Dengan Kontras Video, anda boleh mengurangkan julat kontras video.

Untuk melaraskan paras...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Gambar dan tekan > (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Lanjutan > Kontras > Kontras Video.
4 - Tekan anak panah ^ (atas) atau v (bawah) untuk melaraskan nilai.
5 - Tekan < (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Penderia Cahaya

Penderia Cahaya melaraskan tetapan gambar secara automatik mengikut keadaan pencahayaan bilik. Anda boleh menghidupkan atau mematikan Penderia Cahaya.

Untuk menghidupkan atau mematikan...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Gambar dan tekan > (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Lanjutan > Kontras > Penderia Cahaya.
4 - Pilih Hidup atau Mati.
5 - Tekan < (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Gama

Dengan Gama, anda boleh menetapkan tetapan bukan linear bagi luminans dan kontras gambar. Gama ialah tetapan untuk pengguna pakar.

Untuk melaraskan paras...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Gambar dan tekan > (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Lanjutan > Kontras > Gama.
4 - Tekan anak panah ^ (atas) atau v (bawah) untuk melaraskan nilai.
5 - Tekan < (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Tetapan Kejelasan

Resolusi Ultra

Dengan Resolusi Ultra, anda menghidupkan kejelasan hebat di tepi garisan dan kontur.

Untuk menghidupkan atau mematikan...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Gambar dan tekan > (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Lanjutan > Kejelasan > Resolusi Ultra.
4 - Pilih Hidup atau Mati.
5 - Tekan < (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Pengurangan Hingar

Dengan Pengurangan Hingar, anda boleh menapis keluar dan mengurangkan paras hingar imej.

Untuk melaraskan pengurangan hingar...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Gambar dan tekan > (kanan) untuk memasuki menu.

3 - Pilih Lanjutan > Kejelasan > Pengurangan Hingar.
4 - Pilih Maksimum, Sederhana, Minimum atau Mati.
5 - Tekan ❮ (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Pengurangan Artifak MPEG

Dengan Pengurangan Artifak MPEG, anda boleh melancarkan peralihan digital pada gambar. Artifak MPEG kebanyakannya kelihatan seperti blok kecil atau tepi bergerigi dalam imej.

Untuk mengurangkan artifak MPEG...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Gambar dan tekan ❯ (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Lanjutan > Kejelasan > Pengurangan Artefak MPEG.
4 - Pilih Maksimum, Sederhana, Minimum atau Mati.
5 - Tekan ❮ (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Tetapan Gerakan

Pergerakan Asli

Dengan Gerakan Semula Jadi, anda boleh mengurangkan getar pergerakan yang kelihatan dalam filem di TV. Pergerakan Asli melancarkan sebarang pergerakan.

Untuk melaraskan getar pergerakan...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Gambar dan tekan ❯ (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Lanjutan > Gerakan > Pergerakan Asli.
4 - Pilih Maksimum, Sederhana, Minimum atau Mati.
5 - Tekan ❮ (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Format Gambar

Asas

Jika gambar tidak memenuhi keseluruhan skrin, jika bar hitam muncul di bahagian atas atau bawah atau di kedua-dua belah, anda boleh melaraskan gambar untuk memenuhkan skrin sepenuhnya.

Untuk memilih salah satu tetapan asas untuk memenuhkan skrin...

1 - Semasa menonton saluran TV, tekan ▭ (jika tersedia pada alat kawalan jauh anda) atau tekan ⚙.
2 - Pilih Format Gambar > Penuhkan Skrin, Muat Pada Skrin atau Skrin Lebar.
3 - Tekan ❮ (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

• Penuhkan Skrin – membesarkan gambar secara automatik untuk memenuhkan skrin. Herotan gambar adalah minimum, sari kata kekal kelihatan. Tidak sesuai untuk input PC. Sesetengah format gambar yang melampau masih boleh menunjukkan bar hitam.
• Muat Pada Skrin – mengezum masuk gambar secara automatik untuk memenuhkan skrin tanpa herotan. Bar hitam mungkin kelihatan. Tidak sesuai untuk input PC.
• Skrin Lebar - mengezum masuk gambar secara automatik kepada skrin lebar.

Lanjutan

Jika dua tetapan asas tidak mencukupi untuk memformat gambar yang anda mahu, anda boleh menggunakan tetapan lanjutan. Dengan tetapan lanjutan, anda memformat gambar pada skrin anda secara manual.

Anda boleh zum, regang dan pindahkan gambar sehingga gambar menunjukkan item yang anda perlukan – cth. sari kata hilang atau sepanduk teks menatal. Jika anda memformat gambar untuk Sumber tertentu – seperti konsol permainan yang disambungkan – anda boleh kembali ke tetapan ini semasa anda menggunakan konsol permainan lain kali. TV menyimpan tetapan akhir yang anda lakukan untuk setiap sambungan.

Untuk memformat gambar secara manual...

1 - Semasa menonton saluran TV, tekan ▭ (jika tersedia pada alat kawalan jauh anda) atau tekan ⚙.
2 - Pilih Lanjutan dan tekan OK.
3 - Gunakan Pindahkan, Zum, Regang atau Asli untuk melaraskan gambar.
4 - Sebagai alternatif, pilih Tetapan Akhir dan tekan OK untuk beralih kepada format yang anda simpan sebelum ini.
5 - Atau pilih Buat Asal untuk kembali kepada tetapan gambar yang ada apabila anda membuka Format Gambar.

• Pindahkan – Pilih anak panah untuk memindahkan gambar. Anda hanya boleh memindahkan gambar apabila dizum masuk.
• Zum – Pilih anak panah untuk zum masuk.
• Regang – Pilih anak panah untuk meregangkan gambar secara menegak atau melintang.
• Buat Asal – Pilih untuk kembali kepada format gambar seperti ketika anda bermula.
• Asli – Menunjukkan format asal gambar yang masuk. Ini adalah 1:1 piksel dalam format piksel. Mod

pakar untuk HD dan input PC.

Tetapan Gambar Pantas

Semasa pemasangan pertama, anda telah melakukan beberapa tetapan gambar dalam beberapa langkah mudah. Anda boleh buat semula langkah-langkah ini dengan Tetapan Gambar Pantas. Untuk melakukan langkah-langkah ini, pastikan TV boleh menala ke saluran TV atau boleh menunjukkan program dari peranti yang disambung.

Untuk menetapkan gambar dalam beberapa langkah mudah...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Gambar dan tekan › (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Tetapan Gambar Pantas.
4 - Pilih Mulakan. Gunakan kekunci navigasi untuk memilih pilihan anda.
5 - Akhir sekali, pilih Selesai.
6 - Tekan ‹ (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

12.3
Bunyi

Gaya Bunyi

Pilih Gaya

Untuk pelarasan bunyi yang mudah, anda boleh memilih tetapan pratetap dengan Gaya Bunyi.

1 - Semasa menonton saluran TV, tekan ⚙.
2 - Pilih Bunyi dan tekan › (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Gaya Bunyi dan pilih satu daripada gaya dalam senarai.
4 - Tekan ‹ (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Gaya yang tersedia ialah...

• Peribadi - Keutamaan bunyi yang anda tetapkan semasa permulaan awal.
• Asli - Tetapan bunyi paling neutral
• Filem - Sesuai untuk menonton filem
• Muzik - Sesuai untuk mendengar muzik
• Permainan - Sesuai untuk bermain permainan

• Berita - Sesuai untuk pertuturan

Pulihkan Gaya

Apabila Gaya Bunyi dipilih, anda boleh melaraskan tetapan bunyi dalam Persediaan > Bunyi...

Gaya yang dipilih akan menyimpan perubahan yang anda buat. Kami mengesyorkan untuk melaraskan tetapan bunyi untuk gaya Peribadi sahaja. Gaya Bunyi - Peribadi boleh menyimpan tetapan untuk setiap sumber dalam menu Sumber.

Untuk memulihkan gaya kepada tetapan asalnya...

1 - Semasa menonton saluran TV, tekan ⚙.
2 - Pilih Bunyi dan tekan › (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Gaya Bunyi dan pilih Gaya Bunyi yang anda mahu pulihkan.
4 - Pilih Pulihkan Gaya. Gaya dipulihkan.
5 - Tekan ‹ (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Tetapan Bunyi

Bes

Dengan Bes, anda boleh melaraskan paras nada rendah dalam bunyi.

Untuk melaraskan paras...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Bunyi dan tekan › (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Bes dan tekan › (kanan).
4 - Tekan anak panah ∧ (atas) atau ∨ (bawah) untuk melaraskan nilai.
5 - Tekan ‹ (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Trebel

Dengan Trebel, anda boleh melaraskan paras nada tinggi dalam bunyi.

Untuk melaraskan paras...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Bunyi dan tekan › (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Trebel dan tekan › (kanan).
4 - Tekan anak panah ∧ (atas) atau ∨ (bawah) untuk melaraskan nilai.
5 - Tekan ‹ (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Kelantangan Fon Kepala

Dengan Kelantangan Fon Kepala, anda boleh menetapkan kelantangan fon kepala yang disambungkan secara berasingan.

Untuk melaraskan kelantangan...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Bunyi dan tekan › (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Kelantangan Fon Kepala.
4 - Tekan anak panah ˄ (atas) atau ˅ (bawah) untuk melaraskan nilai.
5 - Tekan ‹ (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Kelantangan Subwufer

Jika anda menyambungkan subwufer Bluetooth wayarles, anda boleh menaikkan atau menurunkan sedikit kelantangan subwufer.

Untuk melaraskan kelantangan sedikit...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Bunyi dan tekan › (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Kelantangan Subwufer.
4 - Tekan ˄ (atas) atau ˅ (bawah) untuk melaraskan nilai.
5 - Tekan ‹ (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Mod Keliling

Dengan Mod Keliling, anda boleh menetapkan kesan bunyi pembesar suara TV.

Untuk menetapkan mod keliling...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Bunyi dan tekan › (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Mod Keliling.
4 - Pilih Stereo atau Keliling Mengagumkan.
5 - Tekan ‹ (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Peletakan TV

Sebagai sebahagian daripada pemasangan awal, tetapan ini ditetapkan sama ada untuk Pada Rak TV atau Pada Dinding. Selepas itu, jika anda telah mengubah peletakan TV, laraskan tetapan ini sewajarnya untuk penghasilan semula bunyi yang terbaik.

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Bunyi dan tekan › (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Peletakan TV.
4 - Pilih Pada Rak TV atau Pada Dinding.
5 - Tekan ‹ (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Tetapan Bunyi Lanjutan

Pengimbangan Kelantangan Auto

Dengan Pengimbangan Kelantangan Auto, anda boleh menetapkan TV untuk mengimbangkan perbezaan kelantangan tiba-tiba secara automatik. Biasanya pada permulaan iklan atau apabila anda mengalih saluran.

Untuk menghidupkan atau mematikan...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Bunyi dan tekan › (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Lanjutan dan tekan › (kanan) untuk memasuki menu.
4 - Pilih Pengarasan Kelantangan Auto dan tekan › (kanan) untuk memasuki menu.
5 - Pilih Hidup atau Mati.
6 - Tekan ‹ (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Bunyi Jelas

Dengan Clear Sound, anda meningkatkan bunyi untuk pertuturan. Sesuai untuk program berita. Anda boleh menghidupkan atau mematikan peningkatan pertuturan.

Untuk menghidupkan atau mematikan...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Bunyi dan tekan › (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Lanjutan>Clear Sound.
4 - Pilih Hidup atau Mati.
5 - Tekan ‹ (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Format Audio Keluar

Jika anda mempunyai Sistem Teater Rumah (HTS) dengan keupayaan pemprosesan berbilang saluran seperti Dolby Digital, DTS® atau yang serupa, tetapkan Format Audio Keluar ke Berbilang saluran. Dengan Berbilang saluran, TV boleh menghantar isyarat bunyi berbilang saluran mampat daripada saluran TV atau pemain yang bersambung ke Sistem Teater Rumah. Pilih Stereo jika anda mempunyai Sistem Teater Rumah tanpa pemprosesan bunyi berbilang saluran.

Untuk menetapkan Format Audio Keluar...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Bunyi dan tekan > (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Lanjutan > Format Audio Keluar.
4 - Pilih Berbilang saluran atau Stereo.
5 - Tekan < (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Pengimbangan Audio Keluar

Gunakan tetapan Pengimbangan Audio Keluar untuk mengimbangkan kelantangan (kenyaringan) TV dan Sistem Teater Rumah apabila anda beralih ke yang lain. Perbezaan kelantangan boleh disebabkan oleh perbezaan dalam pemprosesan bunyi.

Untuk menyamakan perbezaan kelantangan...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Bunyi dan tekan > (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Lanjutan > Pengimbangan Audio Keluar.
4 - Jika perbezaan kelantangan adalah besar, pilih Lebih. Jika perbezaan kelantangan adalah kecil, pilih Kurang.
5 - Tekan < (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Pengimbangan Audio Keluar menjejaskan isyarat bunyi Audio Keluar - Optik dan HDMI ARC.

Lengah Audio Keluar

Jika anda menetapkan lengah segerak Audio pada Sistem Teater Rumah anda, untuk menyegerakkan bunyi dengan gambar, anda mesti mematikan Lengah Audio Keluar pada TV.

Untuk mematikan Lengah Audio Keluar...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Bunyi dan tekan > (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Lanjutan > Lengah Audio Keluar.
4 - Pilih Mati.
5 - Tekan < (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Ofset Audio Keluar

Jika anda tidak boleh menetapkan lengah pada Sistem Teater Rumah, anda boleh menetapkan lengah pada TV dengan Ofset Audio Keluar.

Untuk menyegerakkan bunyi pada TV...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Bunyi dan tekan > (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Lanjutan > Ofset Audio Keluar.
4 - Gunakan bar gelongsor untuk menetapkan ofset bunyi.
5 - Tekan < (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Pembesar suara

Pilih Pembesar Suara anda

Dalam menu ini, anda boleh menghidupkan atau mematikan pembesar suara TV. Jika anda menyambungkan Sistem Teater Rumah atau pembesar suara Bluetooth wayarles, anda boleh memilih peranti manakah yang memainkan bunyi TV. Semua sistem pembesar suara yang tersedia ditunjukkan dalam senarai ini.

Jika anda menggunakan sambungan HDMI CEC untuk peranti audio (seperti Sistem Teater Rumah), anda boleh memilih Mula Auto EasyLink. TV akan menghidupkan peranti audio, menghantar bunyi TV ke peranti dan mematikan pembesar suara TV.

Untuk menetapkan pembesar suara TV...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Bunyi dan tekan > (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Lanjutan dan tekan > (kanan) untuk memasuki menu.
4 - Pilih Pembesar Suara dan tekan > (kanan) untuk memasuki menu.
5 - Pilih Hidup, Mati atau Mula Auto EasyLink.
6 - Tekan < (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

12.4

Tetapan Ekologi

Penjimat Tenaga

Tetapan Ekologi mengelompokkan tetapan yang membantu persekitaran.

Penjimat Tenaga

Jika anda memilih Penjimat Tenaga, TV beralih kepada Gaya Gambar - Standard secara automatik, tetapan paling menjimatkan tenaga untuk gambar.

Untuk menetapkan TV dalam Penjimat Tenaga...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Tetapan Ekologi dan tekan > (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Penjimat Tenaga, Gaya Gambar ditetapkan kepada Standard secara automatik.
4 - Tekan < (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Matikan Skrin

Jika anda hanya mendengar muzik, anda boleh mematikan skrin TV untuk menjimatkan tenaga.

Untuk mematikan skrin TV sahaja...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Tetapan Ekologi dan tekan › (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Matikan Skrin. Skrin akan dimatikan.
4 - Tekan ‹ (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Untuk menghidupkan kembali skrin, tekan mana-mana kekunci pada kawalan jauh.

Penderia Cahaya

Untuk menjimatkan tenaga, penderia cahaya sekitar terbina dalam merendahkan kecerahan skrin TV apabila cahaya sekeliling menjadi gelap. Penderia cahaya terbina dalam secara automatik melaraskan gambar mengikut keadaan pencahayaan bilik.

Untuk mengaktifkan penderia cahaya...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Tetapan Ekologi dan tekan › (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Penderia Cahaya. Ikon 🍃 ditunjukkan di hadapan Penderia Cahaya apabila aktif.
4 - Tekan ‹ (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Pemasa Mati

Jika TV menerima isyarat TV tetapi anda tidak menekan kekunci pada alat kawalan jauh dalam tempoh 4 jam, TV akan dimatikan secara automatik untuk menjimatkan tenaga. Malah, jika TV tidak menerima isyarat TV atau perintah alat kawalan jauh selama 10 minit, TV dimatikan secara automatik.

Jika anda menggunakan TV sebagai monitor atau menggunakan penerima digital untuk menonton TV (Kotak Set Atas - STB) dan anda tidak menggunakan alat kawalan jauh TV, anda perlu menyahaktifkan mati automatik ini.

Untuk menyahaktifkan Pemasa Mati ...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Tetapan Ekologi dan tekan › (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Pemasa Mati.
4 - Tekan anak panah ˄ (atas) atau ˅ (bawah) untuk melaraskan nilai. Nilai 0 menyahaktifkan mati automatik.
5 - Tekan ‹ (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

12.5
Tetapan Umum

Pemacu Keras USB

Untuk menyediakan dan memformatkan Pemacu Keras USB...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Tetapan Umum dan tekan › (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Pemacu Keras USB.
4 - Pilih Mulakan, kemudian ikuti arahan pada skrin.
5 - Tekan ‹ (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang cara memasang Pemacu Keras USB, dalam Bantuan, pilih Kata Kunci dan cari Pemacu Keras USB, pemasangan atau Pemasangan, Pemacu Keras USB.

Tetapan Papan Kekunci USB

Untuk memasang papan kekunci USB, hidupkan TV dan sambungkan papan kekunci USB ke salah satu sambungan USB pada TV. Apabila TV mengesan papan kekunci buat kali pertama, anda boleh memilih tataletak papan kekunci dan menguji pemilihan anda. Jika anda memilih tataletak papan kekunci Cyrillic atau Greek dahulu, anda boleh memilih tataletak papan kekunci Latin sekunder.

Untuk menukar tetapan tataletak papan kekunci apabila tataletak dipilih...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Tetapan Umum dan tekan › (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Tetapan Papan Kekunci USB untuk memulakan persediaan papan kekunci.

Kecerahan Logo Philips

Anda boleh mematikan atau melaraskan kecerahan logo Philips di bahagian hadapan TV.

Untuk melaraskan atau mematikan...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Tetapan Umum dan tekan › (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Kecerahan Logo Philips dan tekan › (kanan) untuk memasuki menu.
4 - Pilih Minimum, Sederhana, Maksimum atau Mati untuk mematikan pencahayaan logo.
5 - Tekan ‹ (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Rumah atau Kedai

Jika TV dipasang dalam kedai, anda boleh menetapkan TV untuk memaparkan sepanduk promosi kedai. Gaya Gambar ditetapkan kepada Terang secara automatik. Pemasa Mati dimatikan.

Untuk menetapkan TV kepada lokasi Kedai...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Tetapan Umum dan tekan > (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Lokasi > Kedai.
4 - Tekan < (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Jika anda menggunakan TV di rumah, tetapkan TV dalam lokasi Rumah.

Persediaan Kedai

Jika TV ditetapkan kepada Kedai, anda boleh menetapkan ketersediaan demo tertentu untuk kegunaan dalam kedai.

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Tetapan Umum dan tekan > (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Persediaan Kedai dan tekan > (kanan) untuk memasuki menu.
4 - Ubah tetapan mengikut kesukaan anda.
5 - Tekan < (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

EasyLink

EasyLink

Untuk mematikan EasyLink sepenuhnya...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Tetapan Umum dan tekan > (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih EasyLink, tekan > (kanan) dan pilih EasyLink satu langkah ke hadapan.
4 - Pilih Mati.
5 - Tekan < (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Kawalan Jauh EasyLink

Untuk mematikan kawalan jauh EasyLink...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Tetapan Umum dan tekan > (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih EasyLink > Kawalan Jauh EasyLink.
4 - Pilih Mati.
5 - Tekan < (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

HDMI Ultra HD

TV ini boleh memaparkan isyarat Ultra HD. Sesetengah peranti - yang disambungkan dengan HDMI - tidak mengenali TV dengan Ultra HD dan mungkin tidak berfungsi dengan betul atau menunjukkan gambar atau bunyi yang herot. Untuk mengelakkan kepincangan tugas peranti tersebut, anda boleh menetapkan kualiti isyarat kepada tahap yang peranti boleh kendalikan. Jika peranti tidak menggunakan isyarat Ultra HD, anda boleh mematikan Ultra HD untuk sambungan HDMI ini.

Tetapan UHD 4:4:4/4:2:2 membenarkan isyarat UHD YCbCr 4:4:4 / 4:2:2. Tetapan UHD 4:2:0 membenarkan isyarat UHD YCbCr 4:2:0.

Untuk menetapkan kualiti isyarat...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Tetapan Umum dan tekan > (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih HDMI Ultra HD.
4 - Pilih UHD 4:4:4/4:2:2, UHD 4:2:0 atau UHD Dimatikan .
5 - Tekan < (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Jika gambar dan bunyi peranti yang disambungkan ke HDMI 1 atau HDMI 2 terherot, sambungkan peranti ke HDMI 3 atau HDMI 4 pada TV ini.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, dalam Bantuan, pilih Kata Kunci dan cari Masalah, HDMI atau Masalah, Sambungan HDMI .

Tetapan Lanjutan

Panduan TV

Panduan TV menerima maklumat (data) daripada penyiar atau daripada Internet. Di sesetengah rantau dan untuk sesetengah saluran, maklumat Panduan TV mungkin tidak tersedia. TV boleh mengumpulkan maklumat Panduan TV untuk saluran yang dipasang pada TV. TV tidak boleh mengumpulkan maklumat Panduan TV daripada saluran yang dilihat daripada penerima digital dekoder.

TV didatangkan dengan maklumat yang ditetapkan ke Daripada Penyiar.

Jika maklumat Panduan TV datang daripada Internet, Panduan TV turut menyenaraikan saluran analog bersebelahan dengan saluran digital. Menu Panduan TV turut menunjukkan skrin kecil dengan saluran semasa.

Daripada Internet

Jika TV disambungkan ke Internet, anda boleh menetapkan TV untuk menerima maklumat Panduan TV daripada Internet.

Untuk menetapkan maklumat Panduan TV...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Tetapan Umum dan tekan > (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Lanjutan > Panduan TV>Daripada Internet.
4 - Tekan < (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Logo Saluran

Dalam sesetengah negara, TV boleh menunjukkan logo saluran.
Jika anda tidak mahu logo ini muncul. anda boleh mematikannya.

Untuk mematikan logo...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Tetapan Umum dan tekan > (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Lanjutan > Logo Saluran dan tekan > (kanan) untuk memasuki menu.
4 - Pilih Mati.
5 - Tekan < (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Tetapan Kilang

Anda boleh menetapkan TV kembali kepada tetapan TV asal (tetapan kilang).

Untuk menukar kembali kepada tetapan asal...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Tetapan Umum dan tekan > (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Tetapan Kilang.
4 - Pilih OK.
5 - Tekan < (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Pasang Semula TV

Anda boleh buat semula pemasangan TV sepenuhnya. TV dipasang semula sepenuhnya.

Untuk buat semula pemasangan TV sepenuhnya...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Tetapan Umum dan pilih Pasang Semula TV.
3 - Ikuti arahan pada skrin. Pemasangan mungkin mengambil masa beberapa minit.

12.6

Jam, Wilayah dan Bahasa

Bahasa Menu

Untuk mengubah bahasa menu dan mesej TV...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Wilayah dan Bahasa dan tekan > (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Bahasa > Bahasa Menu.
4 - Pilih bahasa yang anda perlukan dan tekan OK.
5 - Tekan < (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Keutamaan bahasa

Tetapan Bahasa Audio

Saluran TV digital boleh menyiarkan audio dengan beberapa bahasa yang dituturkan untuk program. Anda boleh menetapkan bahasa audio utama dan sekunder yang dikehendaki. Jika audio dalam salah satu bahasa ini tersedia, TV akan beralih kepada audio ini.

Jika tiada satu pun bahasa audio yang dikehendaki tersedia, anda boleh memilih bahasa audio lain yang tersedia.

Untuk menetapkan bahasa audio utama dan sekunder...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Wilayah dan Bahasa dan tekan > (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Bahasa > Audio Utama atau Audio Sekunder.
4 - Pilih bahasa yang anda perlukan.
5 - Tekan < (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Sari Kata

Hidupkan

Untuk menghidupkan Sari Kata, tekan SARI KATA.

Anda boleh Hidupkan sari kata, Matikan atau Hidupkan Semasa Redam. Atau untuk menunjukkan sari kata secara automatik apabila program yang disiarkan bukan dalam bahasa – bahasa yang ditetapkan untuk TV – pilih Automatik. Tetapan ini juga akan menunjukkan Sari Kata secara automatik apabila anda meredamkan bunyi.

Tetapan Bahasa Sari Kata

Saluran digital boleh menawarkan beberapa bahasa sari kata untuk program. Anda boleh menetapkan bahasa sari kata utama dan sekunder yang dikehendaki. Jika sari kata dalam salah satu bahasa ini tersedia, TV menunjukkan sari kata yang anda pilih.

Jika tiada satu pun bahasa sari kata yang dikehendaki tersedia, anda boleh memilih bahasa sari kata lain yang tersedia.

Untuk menetapkan bahasa sari kata utama dan sekunder...

1 - Tekan ⚙, pilih Semua Tetapan dan tekan OK.
2 - Pilih Wilayah dan Bahasa dan tekan › (kanan) untuk memasuki menu.
3 - Pilih Bahasa > Sari Kata Utama atau Sari Kata Sekunder.
4 - Pilih bahasa yang anda perlukan.
5 - Tekan ‹ (kiri) berulang kali jika perlu untuk menutup menu.

Sari Kata daripada Teks

Jika anda menala ke saluran analog, anda perlu menjadikan sari kata tersedia untuk setiap saluran secara manual.

1 - Beralih kepada saluran dan tekan TEXT untuk membuka Teks.
2 - Masukkan nombor halaman untuk sari kata, biasanya 888.
3 - Tekan TEXT lagi, untuk menutup Teks.

Jika anda memilih Hidup dalam menu Sari Kata apabila menonton saluran analog ini, sari kata akan ditunjukkan jika tersedia.

Bahasa Teks / Teleteks

Halaman Teks

Untuk membuka Teks/Teleteks tekan TEXT semasa anda menonton saluran TV.
Untuk menutup Teks, tekan TEXT sekali lagi.

Pilih halaman Teks

Untuk memilih halaman . . .

1 - Masukkan nombor halaman dengan kekunci nombor.
2 - Gunakan kekunci anak panah untuk menavigasi.
3 - Tekan kekunci warna untuk memilih subjek berkod warna di bahagian bawah skrin.

Subhalaman teks

Nombor halaman teks boleh menyimpan beberapa subhalaman. Nombor subhalaman ditunjukkan pada bar bersebelahan dengan nombor halaman utama. Untuk memilih subhalaman, tekan ‹ atau ›.

T.O.P. Halaman teks

Sesetengah penyiar menawarkan T.O.P. Teks.
Untuk membuka T.O.P. Halaman teks dalam Teks, tekan + OPTIONS dan pilih Gambaran keseluruhan T.O.P..

Halaman kegemaran

TV membuat senarai 10 halaman Teks terakhir yang anda buka. Anda boleh membukanya semula dengan mudah sekali lagi dalam lajur halaman Teks Kegemaran.

1 - Dalam Teks, pilih bintang di sudut kiri atas skrin untuk menunjukkan lajur halaman kegemaran.
2 - Tekan ⌄ (bawah) atau ⌃ (atas) untuk memilih nombor halaman dan tekan OK untuk membuka halaman.
Anda boleh mengosongkan senarai dengan pilihan Kosongkan halaman kegemaran.

Cari Teks

Anda boleh memilih perkataan dan mengimbas Teks untuk semua kehadiran perkataan ini.

1 - Buka halaman Teks dan tekan OK.
2 - Pilih perkataan atau nombor dengan kekunci anak panah.
3 - Tekan OK sekali lagi untuk melompat serta-merta ke kehadiran yang seterusnya bagi perkataan atau nombor ini.
4 - Tekan OK sekali lagi untuk melompat ke kehadiran seterusnya.
5 - Untuk berhenti mencari, tekan ⌃ (atas) sehingga tiada apa-apa dipilih.

Teks daripada peranti yang disambungkan

Sesetengah peranti yang menerima saluran TV juga boleh menawarkan Teks.
Untuk membuka Teks daripada peranti yang disambungkan . . .

